



# BAB KETIGA



**Pengajian Tafsīr al-Qur'ān di Kalangan Orang Melayu.**

## BAB KETIGA

### PENGAJIAN TAFSIR DI KALANGAN ORANG MELAYU.

#### 3.1 PENDAHULUAN

Pengkajian terhadap pengajaran Tafsir al-Qur'ān di Malaysia merupakan suatu perkara yang penting kerana ianya akan menjadi asas kepada banyak topik-topik lain yang berkaitan dengan disiplin-disiplin Islam. Walaubagaimanapun, di dalam bab ini penulis akan lebih menekankan isu pengajaran Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu. Di samping itu, penulis juga akan menyentuh beberapa perkara lain yang dikira masih berada di dalam ruang lingkup yang sepatutnya dengan pengajaran tersebut. Kesemua isi dan fakta yang diutarakan pada bab ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana ianya mempunyai kaitan secara langsung dengan topik utama yang disentuh di dalam kajian ini.

#### 3.2 –PENGARUH AJARAN AL-QUR'ĀN DI DALAM KEHIDUPAN ORANG MELAYU

Dalam konteks Malaysia, ada sesetengah sarjana telah mengutarakan pendapat bahawa pemodenan sejati yang berlaku di Malaysia telah diperkenalkan oleh pihak penjajah British, yang kemudiannya telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang Melayu Islam.<sup>158</sup> Perkara ini secara tidak langsung telah menafikan sumbangan

---

<sup>158</sup> Op.cit , Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim , *Isu dan Pengaruh Orientalisme di Malaysia : Satu Analisa* , hal 10 & 11.

sebarang ayat yang baru diturunkan. Bagi konteks alam Melayu, perkara ini telah menjadi di antara tumpuan utama orang Melayu sejak zaman berzaman. Bahkan para pengkaji di alam Melayu mendapati ilmu tentang cara membaca al-Qur'an dengan betul atau ilmu tajwid<sup>161</sup> telah mendapat penekanan yang lebih awal berbanding dengan ilmu-ilmu Islam yang lain.<sup>162</sup> Jenis Qiraat<sup>163</sup> dan ilmu tajwid yang diamalkan di Malaysia adalah berdasarkan riwayat Imam *Hafṣ* ‘An ‘Āsim yang merupakan salah seorang daripada imām Qirā’at dari Kūfah.<sup>164</sup>

Budaya ini selaras dengan firman Allah :

وَرَتَّلَ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا (٤)

*Ertinya : Dan bacalah al-Qur'an secara tartil (perlahan-lahan / bertajwid).*

*(Surah al-Muzzammil : 4)*

Masyarakat Melayu sememangnya amat menekankan penyuburan budaya ini sejak zaman berzaman. Contohnya, seseorang yang boleh membaca al-Qur'an dengan

<sup>161</sup> Ilmu tajwid menurut istilah ulama' tajwid ialah melafazkan setiap huruf dari makhrajnya iaitu tempat keluaranya yang betul serta memenuhi hak-hak setiap huruf iaitu sifat aslinya dan sifat yang mendasar. Lihat Abdul Qadir Leong ( 1998 ) , *Tajwid al-Qur'an Rasm 'Uthmani* , Kuala Lumpur : Pustaka Salam , cet.ke 9, hal- 6. dan 'Atiyyah Qābil Naṣr, ( t.t ), *Ghayah al-Murid Fī 'Ilm at-Tajwīd* , Jiddah : Maktabah Kunūz al-Ma'rīfah, cet. ke 6. hal 39 – 40.

<sup>162</sup> Wan Sabri Wan Yusof ( 1997 ) , *Hamka's Tafsir al-Azhar : Qur'anic Exegesis as a Mirror of Social Change* , tesis Phd , Temple University , hal 35.

<sup>163</sup>Qiraat dari segi pengistilahan ulama' Qira'at pula ialah suatu ilmu yang membincangkan tentang kalimah-kalimah al-Qur'an serta keadaan kalimah tersebut seperti panjang pendek dan sebagainya. Lihat Mohd Rahim Jusoh ( 2001 ) , *Pengenalan Ilmu Qira'at* , Batu Caves Selangor : Mahsuri Timur Sdn Bhd, cet. Kedua , hal 7.

<sup>164</sup> Beliau ialah Hafṣ ibn Sulaymān ibn al-Mughīrah ibn Abī Dāwūd al-Asadī al-Kūfi al-Bazzār. Dilahirkan pada tahun 90 Hijrah dan meninggal pada tahun 180 Hijrah , mempelajari dan meriwayatkan Qirā'at daripada bapa tirinya Imām ‘Āsim al-Kūfi. Lihat dalam 'Abd al-Fattāḥ Al-Qādi (t.t) , *Tārīkh al-Qurra' al-'Asyārah Wa Ruwāwīhim Wa Tawātur Qirā'atihim Wa Manhaj Kull fī al-Qirā'at* , Qāhirah : Maktabah Wa Maṭba'ah al-Masyhad al-Ḥusaynī , hal 27.

baik akan diberikan keutamaan untuk memimpin upacara keagamaan. Orang-orang Melayu juga mengantar anak-anak mereka kepada guru-guru yang dipercaya kebolehannya untuk mengajarkan anak-anak mereka kemahiran membaca al-Qur'an. Bagi kanak-kanak yang sudah berjaya mengkhatamkan al-Qur'an akan diraikan pula oleh ibu bapa mereka dengan kenduri khatam al-Qur'an. Selain itu mereka juga memberikan penghormatan kepada muṣḥaf al-Qur'an dengan menempatkannya di tempat yang tinggi serta tidak akan menyentuhnya kecuali dengan berwudhu'.

Pihak kerajaan juga memberikan perhatian yang serius untuk memartabatkan al-Qur'an seperti dengan menganjurkan pertandingan Tilawah al-Qur'an dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa.<sup>165</sup> Sesetengah negeri seperti Keiantan dan Selangor telah mengisytiharkan hari turunnya al-Qur'an atau *nuzūl al-Qur'an* sebagai cuti umum sebagai menghormati hari tersebut. Malahan pihak penyiaran negara seperti RTM dan Radio Malaysia juga telah memperuntukkan sejumlah masa tertentu untuk diisi dengan bacaan ayat-ayat al-Qur'an pilihan.<sup>166</sup>

Segala usaha tersebut telah menggalakkan anggota masyarakat untuk lebih mendalami ilmu tajwid al-Qur'an ditambah lagi dengan kemunculan banyak kelas-

<sup>165</sup> Semenjak menganjurkan pertandingan tersebut bermula 1961, nama Malaysia telah harum dengan kejayaan para qarinya. Di antara qari lagenda dari Malaysia ialah Ustaz Ismail Hashim. Lihat , Hafidzah Abu Hashim ( 2002 ) , *Ismail Hashim : Sumbangannya Dalam Pengajian al-Qur'an di Kedah* , latihan ilmiah , Universiti Malaya , hal 45 – 48.

<sup>166</sup> Contohnya pada bulan Ramadhan , pihak RTM telah menyiarakan slot-slot khusus berkaitan dengan bacaan al-Qur'an seperti tadarrus al-Qur'an , siaran sembahyang terawih secara terus dari Mekah dan sebagainya. Juga slot rutin bagi pembukaan siaran rancangan televisyen dengan bacaan al-Qur'an oleh beberapa qari terpilih. Lihat , Zulkifli Abdul Ghani ( 1998 ) , *Diffusion of Islamic Message Through Television : The Experience of Television Malaysia* , Jabatan Dakwah dan Kepimpinan , Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia , hal 8-10.

kelas pengajian tajwid al-Qur'ān di seluruh negara. Berbagai-bagai kaedah pembelajaran al-Qur'ān yang praktikal serta mudah telah dicipta untuk memudah serta meminimumkan masa pembelajaran. Keberkesanan kaedah-kaedah tersebut telah terbukti apabila ramai di kalangan ahli masyarakat telah berjaya membaca bahkan menguasai tahap pembacaan al-Qur'ān yang baik. Di antara nama-nama kaedah yang agak popular di negara kita pada hari ini ialah kaedah *IQRA'*, *QIRA'ATI* dan sebagainya.

### 3.2.2-Penekanan kepada kepentingan menghafaz al-Qur'ān

Penghafazan al-Qur'ān merupakan benteng pertahanan yang akan mengelakkan agama Islam daripada sebarang kemungkinan penyelewengan dan penokotambahan. Tradisi menghafaz al-Qur'ān sememangnya telah menjadi nadi penggerak kepada umat Islam terdahulu. Sebagai contohnya, kebanyakan para sahabat Rasulullah s.a.w dan para ulama silam merupakan individu-individu yang membaca, menghafaz dan menghayati al-Qur'ān dengan sepenuh hati. Dengan komitmen sedemikian, mereka telah mencapai kemajuan, mencipta pembaharuan serta menjulang nama Islam di era mereka. Penyuburan budaya ini sememangnya bertepatan dengan janji Allah di dalam surah al-Hijr yang menjamin untuk menjaga al-Qur'ān sehingga ke akhir zaman :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

*Ertinya : Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'ān dan sesungguhnya Kamilah yang akan menjaganya.*

*( Surah al-Hijr : 9 )*

Di antara maksud penjagaan yang dijanjikan oleh ayat ini ialah adanya segolongan umat Islam dari setiap zaman yang menghafaz al-Qur'ān.<sup>167</sup> Jika diperhatikan, tidak ada satu pun agama-agama di dunia yang menggalakkan penghafazan kitab suci mereka. Budaya ini hanya akan kita temui di dalam agama Islam sahaja yang terus membudayakan tradisi ini sebagai suatu ibadat dan penjagaan ajaran Islam.

Bagi konteks alam Melayu khususnya di Malaysia, penyuburan budaya ini telah berkembang pesat selepas penubuhan kelas Tahfīz al-Qur'ān yang pertama di Masjid Negara pada tahun 1966.<sup>168</sup> Para penghafaz al-Qur'ān telah mendapat tempat yang tinggi pada pandangan masyarakat dengan gelaran seperti al-Ḥafiz dan sebagainya.<sup>169</sup> Selain itu, penulis mendapati akhir-akhir ini timbul kecenderungan baru di kalangan anggota masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka menghafaz al-Qur'ān di pusat-pusat pengajian Tahfīz al-Qur'ān. Penulis berpendapat, langkah meramaikan para penghafaz al-Qur'ān yang mempunyai kualiti sebagai ilmuwan atau pendakwah yang proaktif, berilmu dan berakhlik akan mampu untuk

<sup>167</sup> Op.cit , Dr. Yusuf al-Qarađāwī ( 2000 ) , hal 131.

<sup>168</sup> Kelas ini ditubuhkan berdasarkan saranan bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman. Kelas tersebut mulai berasrama dengan generasi pertama pelajarinya seramai 8 orang. Kelas tersebut terus berkembang terus berkembang pesat sehingga hari ini dengan kompleksnya yang tersendiri di Ampang Pecah , Kuala Kubu Baru Selangor. Kompleks tersebut dinamakan sebagai Darul Qur'an , Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Lihat Abdullah Bukhari Abdul Rahim ( 2000 ), *Ilmu Fawāṣil : Suatu Kajian Tentang Kaedah Pembelajarannya di Darul Quran JAKIM* ,latihan Ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 42.

<sup>169</sup> Pihak kerajaan juga telah memberikan penghormatan yang sewajarnya kepada golongan ini. Di antara usaha yang dapat dilihat ialah dengan penubuhan kompleks Darul Qur'an sebagai sebuah pusat menghafaz al-Qur'ān di Kuala Kubu Baru Selangor. Diploma Tahfiz al-Qur'ān yang ditawarkan di sini adalah setaraf dengan diploma UITM dan diiktiraf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pemegang diploma tersebut berperluang untuk melanjutkan pengajian ke universiti tempatan dan luar negeri. Selain itu , pihak kerajaan melalui JAKIM dan Jabatan Agama Negeri juga telah memberikan biasiswa bulanan berjumlah RM 250 kepada para pelajar di pusat-pusat tahfiz sebagai skim galakan dan beberapa insentif lain. Lihat , Ibid , hal 49-50.

mengembalikan kegemilangan umat Islam silam. Al-Qur'an di dada mereka akan menjadi pemangkin semua cabang ilmu pengetahuan dan benteng utama daripada sebarang perkara negatif yang melibatkan keruntuhan moral seperti gejala sosial, rasuah, penipuan dan sebagainya. Menurut Ibn Mas'ud, para penghafaz al-Qur'an yang menjaga kalam Allah harus memiliki etika hidup yang tinggi dan suci bersesuaian dengan ketinggian al-Qur'an yang dihafaz mereka. Mereka sepatutnya menjadi orang yang paling banyak ibadatnya kepada Allah.<sup>170</sup>

### **3.2.3-Penekanan kepada konsep perpaduan, keutuhan tali persaudaraan dan tolong menolong<sup>171</sup>**

Islam melalui pengajarannya telah menggarap idea perpaduan ummah yang berdasarkan kepada satu akidah dan satu kepercayaan. Penyatuan yang bersifat universal tanpa merujuk kepada mana-mana bangsa dan sempadan negara, telah berjaya menyatupadukan rumpun Melayu di bawah payung Islam. Penyatuan yang diasaskan oleh dasar persaudaraan Islam ini telah berjaya membawa rumpun Melayu maju ke depan setaraf dengan tamadun dunia lain. Sejarah membuktikan bagaimana kerajaan kesultanan Melaka dan Acheh<sup>172</sup> telah mencapai zaman kegemilangannya hasil daripada roh serta semangat persaudaraan itu

---

<sup>170</sup>Abū Nu'aym al-Āṣbīhānī ( 1997M/1417H ), *Hilyah al-Awliyā' Wa Tabaqāt al-Āṣfiyā'* , Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah , cet. pertama, jil 1 , hal 178.

<sup>171</sup> Mustafa Haji Daud ( 1995 ) , *Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , cet. pertama, hal 37 – 39.

<sup>172</sup> Acheh semasa zaman kegemilangannya pada kurun ke 17 banyak mendapat kunjungan para ulama' daripada timur tengah , perkara ini membuktikan tentang pengiktirafan kerajaan Islam yang mendominasi dunia pada masa itu iaitu kerajaan Islam 'Uthmaniyyah di Turki dan Moghul di India terhadap kewibawaan Acheh sebagai sebuah negara Islam. Selain itu Acheh juga dikenali di kepulauan Melayu sebagai Pintu Gerbang Masuk ke Mekkah. Lihat Andrew Rippin ( 1998 ), *Qur'anic Exegesis*

Rumpun Melayu biasanya mempunyai hieraki pemerintahannya tersendiri yang dipilih oleh orang ramai. Mereka yang terpilih ditugaskan untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keutuhan persatuannya dengan sokongan yang padu daripada anggota masyarakat mengikut kemampuan mereka. Di dalam tugasannya menjaga masyarakat ini, kita akan menemui berbagai-bagai nama panggilan serta jawatan yang diberikan khusus kepada golongan pemerintah seperti *penghulu*, *tok ketua* dan sebagainya. Selain itu, para ahli bahasa juga telah menggambarkan kepentingan sikap persatuan dan tolong menolong ini dengan berbagai-bagai peribahasa seperti *yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*.<sup>173</sup> Sebenarnya prinsip tolong menolong ini memang sudah sedia termaktub di dalam al-Qur'an pada surah al-Mā'idah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْقَوْمِ

Ertinya : *Dan bertolong bantulah di dalam mengerjakan kebaikan serta ketakwaan.*  
(al-Mā'idah : 2)

Di dalam surah al-Hujrāt ayat 13 pula Allah telah berfirman :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (١٣)

Ertinya : *Wahai semua manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu berpuak-puak dan berbangsa-bangsa untuk kamu saling kenal mengenali di antara kamu , sesungguhnya orang*

---

*in Malay World : In Search of a Profile* dalam Approaches To The History Of The Interpretation Of The Qur'an , Oxford : Clarendon Press , hal 262.

<sup>173</sup> Op.cit , Mustafa Haji daud , hal 37 –38.

*yang paling mulia di kalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa.*  
*( al-Hujurāt : 13 )*

Di dalam ayat lain pula Allah berfirman :

**إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْهُ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ (١٠)**

*Ertinya : Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara , maka hendaklah kamu mendamaikan di antara dua saudara kamu.*

*( al-Hujurāt : 10 )*

Begitu juga dengan budaya ziarah menziarahi, menjaga tali persaudaraan keluarga dan menghormati jiran. Kesemua budaya tersebut menjadikan hubungan persahabatan ataupun kekeluargaan bertambah erat. Kaum kerabat dan sahabat handai yang dekat dan jauh senantiasa diingati.<sup>174</sup> Perbuatan mengenepikan jiran tetangga di dalam urusan kenduri kendara dianggap sebagai suatu perkara yang tidak sopan, apatah lagi untuk tidak mengundang mereka bersama.<sup>175</sup> Budaya pertukaran juadah atau resepi yang diamalkan oleh suri-suri rumah terutama sekali di bulan Ramadan boleh ditafsirkan sebagai konsep menghormati jiran tetangga.<sup>176</sup> Semua budaya positif itu telah digambarkan kepentingannya oleh ahli bahasa dengan berbagai-bagai peribahasa, di antaranya yang berbunyi *bersatu kita teguh bercerai kita roboh*.

<sup>174</sup> Wan Abdul Kadir ( 2000 ) , *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu* , Kuala Lumpur : Masfami Enterprise , cet. pertama , hal 24 & 92.

<sup>175</sup> Ibid , hal 93.

<sup>176</sup> Ibid , hal 91.

### **3.2.4- Penekanan akhlak mulia atau nilai budi pekerti yang baik**

Masyarakat melayu juga mengamalkan nilai budi pekerti yang baik serta akhlak yang mulia. Fenomena ini adalah selaras dengan ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Qur'ān sebagaimana pujian Allah terhadap Rasulullah s.a.w yang digambarkan sebagai seorang model akhlak yang terbaik :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (٤)

*Ertinya : Dan sesungguhnya kamu (Wahai Muḥammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung.*

*(Surah al-Qalam : 4)*

Masyarakat Melayu boleh dikatakan kaya dengan ketinggian nilai budinya.<sup>177</sup> Penerapan akhlak mulia serta budi pekerti yang baik telah merangkumi anggota masyarakat dari perbagai tahap bermula daripada anak-anak, ibu bapa, suami, isteri, ahli keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga, majikan, pemerintah dan sebagainya. Usaha penerapan tersebut telah dijalankan semenjak daripada dari zaman kanak-kanak lagi seperti sikap menghormati orang tua,<sup>178</sup> larangan mengambil hak orang, menghormati ibu bapa serta jiran dan sebagainya. Penyesuaian budaya ini juga merupakan faktor yang memudahkan penerimaan Islam di alam Melayu.

<sup>177</sup> Op.cit , Mustafa Haji Daud , hal 15.

<sup>178</sup> Op.cit , Wan Abdul kadir , hal 22.

### 3.2.5 – Penekanan kepada budaya ilmu

Masyarakat Melayu sejak zaman berzaman begitu mementingkan budaya ini sebagai satu cara untuk memantapkan diri mereka lebih-lebih lagi dengan ilmu-ilmu agama. Fenomena ini telah diterapkan semenjak kecil apabila para ibu bapa menghantar anak-anak mereka kepada guru-guru yang dipercayai kebolehannya untuk mengajarkan al-Qur'ān dan amalan-amalan asas di dalam beribadat seperti cara-cara sembahyang dan sebagainya.

Selain itu mereka juga kerap mengunjungi majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid, surau, sekolah, rumah pendakwah dan sebagainya. Mereka begitu menghormati para ulama' yang dianggap sebagai pemimpin spiritual mereka yang membentuk kehidupan mereka di dalam beragama. Segala prinsip tersebut sememangnya telah sedia termaktub di dalam al-Qur'ān sebagaimana firman-firman Allah :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

*Ertinya : Allah telah mengangkat darjat orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu dari kalangan kamu beberapa darjat.  
(al-Mujādalah : 11)*

FirmanNya lagi :

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

*Ertinya : Sesungguhnya orang yang paling takutkan Allah dari kalangan hambaNya ialah para ulama'.*

*(Fatir : 28)*

Dan firmanNya lagi :

قُلْ هُنَّ لَيْسُوا بِذِيْنَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Ertinya : Katakanlah ( Wahai Muhammad ) adakah sama di antara orang-orang yang tidak berilmu dengan orang-orang yang berilmu tidak sama sekali.

( al-Zumar : 9)

Walaupun begitu, akhir-akhir ini terdapat beberapa kecenderungan di kalangan orang Melayu untuk mengkritik para ulama' secara sinis dan tidak beradab. Bahkan lebih berani lagi ada penulis Islam di negara kita mengeluarkan beberapa kenyataan yang menghina peribadi Rasulullah s.a.w sendiri.<sup>179</sup> Mereka juga beranggapan pemikiran para ulama' jumud, tidak efisyen dan ketinggalan zaman.<sup>180</sup> Mereka menyifatkan para ulama' seolah-olah mengongkong minda masyarakat dengan memonopoli perbincangan agama kepada kelompok mereka sahaja.<sup>181</sup> Kenyataan-kenyataan tersebut telah mendapat tentangan hebat daripada Persatuan Ulama' Malaysia dan beberapa Badan Bukan Kerajaan lain yang telah menghantar memorandum kepada Majlis Raja-raja Melayu selaku penaung kepada agama Islam untuk membala segala tohmahan ini.<sup>182</sup> Persatuan Ulama' Malaysia dengan

---

<sup>179</sup> Untuk melihat petikan daripada artikelnya , sila rujuk nota kaki ke 65 pada bab kedua di muka surat 37.

<sup>180</sup> Ada di kalangan mereka mengatakan bahawa pemikiran para ulama' menjadi jumud dan susah ditegur kerana oksigen tidak dapat mengalir ke otak mereka kerana ketatnya serbananya yang mereka pakai. Petikan tersebut berbunyi : *Perhaps the turbans of the mufti are too tight and therefore not enough oxygen is getting into their brains. They are not thinking straight.* Lihat Syed Akhbar Ali , Now The Mufti Blame Hindi Films , *The Sun* , 21 Februari 2001.

<sup>181</sup> Chandra Muzaffar , All have a right to discuss Islam , *The New Straits Times* , 21 Februari 2002. Petikan artikel tersebut telah penulis nyatakan pada muka surat ke 37 di dalam bab yang kedua.

<sup>182</sup> Salinan Memorandum tersebut ada disediakan di bahagian lampiran. Memorandum tersebut telah penulis ambil daripada website rasmi Persatuan Ulama' Malaysia <http://www.e-ulama.org/> dan <http://www.e-ulama.org/Berita/Default.asp?mode=0&ID=48> ( 19 Januari 2004 )

kerjasama Persatuan Ulama Kedah juga telah menerbitkan sebuah buku yang mengupas perkara tersebut.<sup>183</sup>

Para ulama' bukanlah tidak boleh dikritik, tetapi cara untuk melemparkan kritikan itu perlu beradab dan bersesuaian dengan etika Islam.<sup>184</sup> Sekiranya etika ini dipegang dengan betul, institusi ulama' sebagai pewaris para nabi akan terus mendapat kedudukan yang baik serta tidak hilang kewibawaannya. Walaupun kata-kata atau tulisan mereka banyak menyinggung perasaan,<sup>185</sup> namun secara kritisnya kita perlu mengkaji sebab musabab kenyataan itu dikeluarkan. Kemungkinan besar kesalahan itu berpunca daripada para ulama' sendiri yang telah menjatuhkan

---

<sup>183</sup> Buku tersebut ialah *Kontroversi Mengenai Memo Kepada Majlis Raja-raja Melayu , Islam Dicabar Rasulullah s.a.w dan Ulama Dihina*. Ulasan mengenai buku tersebut telah penulis nyatakan pada muka surat ke 38 di dalam bab kedua kajian ini.

<sup>184</sup> Etika untuk mengkritik sepatutnya berlaku dengan rasa penuh hormat sebagaimana yang disarankan oleh penyunting buku *al-'Awāṣim min al-Qawāsim fī Tāḥqīq Mawāqif al-Ṣāḥabah Ba'd Waṭf al-Nabī* pada bahagian pendahuluan buku tersebut : "Kita golongan muslimin tidak beriktiadak kemaksuman seseorang selepas Rasulullah s.a.w. Sesiapa yang mendakwa kemaksuman untuk seseorang selepas Rasulullah s.a.w. maka dia adalah pendusta. Insan adalah insan, lahir dari dirinya apa yang biasa lahir dari seorang insan, sama ada kebenaran dan kebaikan atau kebatilan dan kejahanatan. Boleh jadi kebenaran dan kebaikan itu melingkungi dengan luasnya pada diri seseorang insan tertentu sehingga dia dihitung sebagai ahli kebenaran dan kebaikan. Namun ini tidak menghalang untuk terjadi pada dirinya beberapa kegelinciran (kesilapan). Boleh jadi pula kebatilan dan kejahanatan itu melingkungi dengan luasnya diri pada seseorang insan tertentu lain, sehingga dia dihitung sebagai ahli kebatilan dan kejahanatan. Ini juga tidak menghalang terbit secara spontan dari dirinya beberapa kebaikan dalam waktu tertentu. Wajib kepada sesiapa yang bercakap mengenai ahli kebenaran dan kebaikan, jika dia mengetahui kesilapan-kesilapan mereka, agar jangan dia merosakkan kebenaran dan kebaikan mereka yang lebih banyak itu. Jangan pula dia memadamkan segalanya, hanya kerana kesilapan-kesilapan tersebut. Wajib pula kepada mereka yang bercakap mengenai ahli kebatilan dan kejahanatan, jika dia mengetahui kebaikan mereka yang spontan, jangan dia mengelirukan orang ramai dengan menggambarkan mereka sebagai golongan yang soleh disebabkan amalan kebaikan yang ganjil pada mereka itu" Lihat Abi Bakr Ibn al-'Arabi ( 1371 H ) *al-'Awāṣim min al-Qawāsim fī Tāḥqīq Mawāqif al-Ṣāḥabah Ba'd Waṭf al-Nabī*, al-Maṭba'ah al-Salafiyyah , hal 5.

<sup>185</sup> Di antara beberapa perkataan kasar yang dilemparkan kepada para ulama' ialah seperti ulama' haprak yang bergelar ulama' hanya kerana membayar yuran dan menyertai persatuan Ulama , atau peniaga agama yang menjual agama dengan promosi yang menarik. Lihat Syed Akbar Ali , Apabila agama jadi barang niaga, perlu ada diskaua , *Berita Minggu* , 15 September 2002.

kredibiliti mereka dengan berbagai-bagai kenyataan serta tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan.<sup>186</sup>

### 3.2.6 - Penggunaan ayat-ayat al-Qur'an sebagai alat untuk perubatan tradisional dan azimat

Di antara keunikan alam melayu yang secara terus berhubung kait dengan pengaruh Islam ialah wujudnya tradisi bomoh dan pawang. Kedua-dua institusi ini berfungsi sebagai perawat atau doktor tradisional yang mengubat berbagai-bagai penyakit terutama sekali yang berkaitan dengan penyakit rohani. Di dalam rawatan, mereka menggunakan doa-doa dan ayat-ayat al-Qur'an sebagai bahan penyembuh.<sup>187</sup> Mereka percaya kepada keupayaan al-Qur'an sebagai penyembuh penyakit berdasarkan ayat firman Allah :

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

*Ertinya : Dan Kami turunkan al-Qur'an itu sebagai suatu penyembuh dan rahmat kepada orang-orang yang beriman.*  
*( al-Isrā' : 82)*

Selain itu, mereka juga menggunakan ayat-ayat al-Qur'an sebagai tangkal atau azimat yang dipercayai boleh memberikan perlindungan daripada sebarang bencana. Mereka mempercayai kewujudan *khadam* atau penjaga bagi setiap ayat-ayat al-

<sup>186</sup> Di antara contoh yang dapat penulis utarakan di sini ialah kenyataan seorang ahli akademik Islam dari sebuah universiti tempatan yang menyifatkan pembayaran kepada ahli agama yang memberikan ceramah adalah suatu keperluan. Lihat Raihanah Abdullah , Penceramah agama pernah terima sampul kosong , Berita Minggu , 8 September 2002.

<sup>187</sup> Nik Aziz Nik Soh ( 1995 ) , *Amalan Bomoh Dalam Masyarakat Melayu Ditinjau Dari Perspektif Islam : Sebuah Kajian Ilmiah di Daerah Tumpat Kelantan* , Latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 39.

Qur'an.<sup>188</sup> Berbagai-bagai pertubuhan perubatan tradisional Islam dengan orientasi sedemikian ditubuhkan di Malaysia oleh beberapa tokoh tempatan seperti Dato' Dr. Haron Din dan Dr. Amran Kasimin. Kedua-dua nama tersebut ternyata sudah tidak asing lagi dalam masyarakat orang Melayu di negara ini.<sup>189</sup>

### **3.2.7 – Penggunaan khat arab dan tulisan jawi untuk beberapa tujuan tertentu.**

Tulisan khat juga mempunyai signifikan tersendiri tentang pengaruh al-Qur'an kepada masyarakat Melayu. Seni tulisan khat itu sendiri sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada al-Qur'an kerana teks al-Qur'an itu sendiri ditulis sepenuhnya dengan menggunakan bahasa Arab. Bagi konteks masyarakat Melayu pula, perkembangan ini jelas terbukti dengan wujudnya sistem tulisan jawi yang berasaskan kepada tulisan arab.<sup>190</sup>

Sejarah telah membuktikan bagaimana tulisan khat atau jawi telah sedia digunakan di rantau ini sejak lama dahulu. Di antara buktinya ialah penemuan batu bersurat Terengganu di Kuala Berang,<sup>191</sup> beberapa batu nisan di serata

---

<sup>188</sup> Zulzilawati bt Abdullah ( 2001 ), *Bomoh Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Mengenai Peranan dan Pengaruhnya di Jajahan Bachok , Kelantan Pada Masa Kini* , Latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur, hal 29.

<sup>189</sup> Di antara Pusat yang terkenal yang telah ditubuhkan oleh Dr. Haron Din ialah Dār al-Syifa' di Bangi , Selangor. Lihat **Op.cit** , Nik Aziz Nik Soh (1995) , hal 40.

<sup>190</sup> **Op.cit** , Wan Abdul Kadir , hal 20.

<sup>191</sup> Batu bersurat bertarikh hari Jumaat 4 haribulan Rejab tahun 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1303 Masihi. Lihat dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas ( 1984 ) . *The Correct Date of The Trengganu Inscription* , Kuala Lumpur : Muzium Negara.

Malaysia.<sup>192</sup> Begitu juga dengan penemuan beberapa mata wang yang bertulis dengan khat arab seperti wang dinar di Kelantan yang bertarikh 577 H / 1181 M<sup>193</sup> dan manuskrip awal seperti manuskrip *Aqā'id al-Nasafī*.<sup>194</sup> Bahkan surat utusan raja , surat perlantikan , surat tauliah daan sebagainya juga ditulis dengan menggunakan tulisan jawi. Tidak kurang juga tulisan-tulisan khat ini dijadikan bahan perhiasan dan juga barang perniagaan yang agak menguntungkan.<sup>195</sup> Segala bukti ini sedikit sebanyak menyokong pendapat penulis yang mengaitkan penggunaan trulisan khat arab sebagai suatu bukti pengaruh ajaran al-Qur'ān di dalam masyarakat Melayu.

Setelah diteliti kepada kebiasaan serta keselarian masyarakat melayu dengan ajaran Islam yang telah disenaraikan di atas, maka penulis berpendapat tidak menjadi masalah bagi masyarakat melayu menerapkan segala ajaran al-Qur'ān yang datang di dalam bentuk pengajian *Tafsir al-Qur'ān* ke dalam kehidupan mereka.

---

<sup>192</sup>Di antara penemuan-penemuannya ialah seperti batu nisan di Teluk Cik Munah , Pekan Pahang yang bertarikh 419 H / 1028 M dan batu nisan Shaikh Abdul Kadir Ibn Husayn Shah Aliran yang bertarikh 290 H / 902 M di Alor Star. Lihat Op.cit , Mohammad Redzuan Othman , hal 46-47.

<sup>193</sup> Ibid

<sup>194</sup> Manuskrip tersebut mempunyai dua para , di atasnya berbahasa arab dan diterjemahkan pada para bawah dengan bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Menurut catatan , manuskrip ini siap ditulis pada waktu Duha hari sabtu , 4 haribulan Rabi'ul Akhir tahun 998 Hijrah. Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas ( 1988 ), *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th. Century Malay Translation Of The 'Aqa'id Of Al-Nasafi* , Kuala Lumpur : Department of Publication University of Malaya , hal 9,99 & 148.

<sup>195</sup> Ahmad Sufri Buyong ( 1990 ) , *Seni Khat Arab : Penghayatan Oleh Masyarakat Islam di Malaysia , di Negeri terengganu Khususnya* , Latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 33-34.

### 3.3 - SEJARAH RINGKAS PENGAJIAN TAFSIR DI ALAM MELAYU

Perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān di alam Melayu mempunyai catatan sejarah yang panjang semenjak Islam mulai bertapak di alam Melayu. Walaubagaimanapun, proses penulisan tafsir secara khusus hanya bermula pada zaman kesultanan Melayu Aceh. Zaman ini boleh dianggap sebagai zaman perintis yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'ān di alam Melayu sehingga ke hari ini.<sup>196</sup> Para pemerintah Aceh telah memainkan peranan yang cukup penting di dalam penghasilan berbagai-bagai karya ilmiah termasuk karya-karya Tafsir al-Qur'ān.<sup>197</sup>

Berdasarkan kepada bukti-bukti yang dapat dikesan, kegiatan menghasilkan Tafsir al-Qur'ān telah wujud secara bertulis sekitar kurun ke 16.<sup>198</sup> Sebelum kurun tersebut kegiatan tafsir al-Qur'ān lebih bercorak secara lisan dan tidak bertulis.<sup>199</sup> Menurut Peter Riddell kegiatan menghasilkan Tafsir al-Qur'ān telah wujud sebelum karya pertama tafsir iaitu *Tarjuman al-Mustafid* karangan 'Abd al-Ra'ūf al-Singkili

<sup>196</sup> Perkembangan dan penghasilan karya tafsir di alam Melayu banyak dimonopoli oleh tokoh-tokoh dari Indonesia. Jumlah ilmuwan Indonesia yang menjalankan usaha penulisan tafsir agak tinggi berbanding dengan Malaysia. Perkara ini dapat dilihat pada hasil kajian Peter Riddell yang banyak menyenaraikan tokoh-tokoh Indonesia berbanding tokoh-tokoh dari Malaysia. Lihat Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ), hal 266-283.

<sup>197</sup> Ibid , hal 139

<sup>198</sup> Op.cit , Wan Sabri Wan Yusof , hal 35.

<sup>199</sup> Banyak karya ilmiah rantaum alam Melayu di antara kurun ke 14 hingga kurun 16 Masihi gagal untuk bertahan sehingga ke hari ini kerana beberapa sebab tertentu seperti keadaan cuaca yang tidak begitu baik untuk ketahanan kertas-kertas, budaya masyarakat setempat yang tidak begitu menghargai teks dan tidak berminat untuk menyimpan sebuah teks untuk tempoh yang lama. Teks-teks yang masih kekal ini berada di dalam bentuk tulisan tangan , manuskrip dan salinan. Ada yang ditulis sendiri oleh para pengarangnya dan ada yang disalin oleh para pengikutnya serta diwarisi kepada beberapa generasi selepas kematiannya. Walaupun begitu , kewujudan teks-teks Tafsir al-Qur'ān yang ditemui masih tidak dapat merungkaikan masalah pengkajian tersebut. Sebagai suatu cara untuk menyelesaikan masalah ini para ahli sejarah telah menggeser perkembangan Islam di beberapa bandar pelabuhan awal di alam Melayu yang merupakan satu-satunya cara perhubungan yang menghubungkan rantau ini dengan Tanah Arab. Lihat Op.cit , Andrew Rippin , hal 259.

dihasilkan. Suatu andaian mengatakan karya-karya tafsir Ḥamzah Fanṣūri dan Syams al-Dīn telah dimusnahkan oleh para pengikut Nūr al-Dīn al-Rānīrī yang datang selepas mereka berikutan perselisihan yang berlaku di antara pendapat al-Rānīrī dan mereka berdua.<sup>200</sup>

Di antara bukti kewujudan kegiatan karya tafsir sebelum zaman ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkili yang dapat dikesan ialah satu manuskrip Tafsir al-Qur’ān yang ditemui oleh Peter Riddell daripada koleksi perpustakaan Universiti Cambridge dengan nama panggilan katalog MS II.6.45. Manuskrip tafsir surah al-Kahf itu menjadi milik peribadi seorang Belanda Arabist Erpenius ( meninggal 1625 M ). Manuskrip ini dibawa keluar dari Aceh ke Belanda pada awal kurun ke 17 dan berkemungkinan ditulis sekitar tahun 1600 dan wujud semasa zaman Ḥamzah Fanṣūri dan Syams al-Dīn. Ianya didakwa selamat daripada kemusnahan kerana telah dibawa keluar dari Aceh semasa era Nūr al-Dīn al-Rānīrī. Ianya dihasilkan kira-kira 75 tahun sebelum karya ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkili *Tarjumān al-Mustafid* dan ditulis di dalam tulisan jawi.<sup>201</sup>

Selain karya tersebut, di antara karya awal tafsir di rantau ini ialah *Tarjumān al-Mustafid* yang berbahasa Melayu dan ditulis oleh ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkili ( meninggal 1693 )<sup>202</sup> sekitar tahun 1675 M. Kitab ini telah dicetak buat kali

<sup>200</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 1989 ), hal 112.

<sup>201</sup> Ibid , hal 111- 114.

<sup>202</sup> ‘Abd al-Ra’ūf telah dilahirkan sekitar tahun 1615 di Singkel Aceh , sebuah Bandar kecil di pantai Barat Sumatra. Beliau telah menghabiskan masa selama 19 mempelajari tafsir , fiqh dan berbagai-bagi lagi disiplin lain di Tanah Arab sekitar 1640an dan 1650an sebelum kembali ke Aceh pada

pertamanya<sup>203</sup> di Istanbul sekitar tahun 1884 dan masih lagi diulang cetak dan digunakan secara meluas.<sup>204</sup>

Selepas kitab tersebut, di antara karya tafsir berbahasa Arab pertama yang pernah dihasilkan oleh ulama' Melayu ialah *Marāḥ Labīd* karangan Muhammad Nawawī al-Jāwī (1813-97).<sup>205</sup> *Marāḥ Labīd*<sup>206</sup> terdiri daripada dua jilid yang ditulis sepenuhnya di dalam bahasa Arab dan buku ini boleh dianggap sebagai kitab Tafsir al-Qur'an lengkap yang kedua pernah dihasilkan oleh ulama' Melayu.<sup>207</sup> Karya ini siap dikarang pada tahun 1886 dan mendapat pengiktirafan dari para ulama' di Makkah dan Qāhirah. Ia kemudiannya dicetak di Qāhirah dan diulang cetak berkali-kali di kedua-dua tempat tersebut.<sup>208</sup>

---

<sup>203</sup> 1661. Selain kitab tafsir ini , beliau juga dilaporkan telah menulis sebanyak 20 buah buku dan di antara yang terkenal ialah '*Umdah al-Muhtājīn*. Lihat Op.cit , Mohd Redzuan Othman , hal 57.

<sup>204</sup> Kitab ini dikenali ramai pada peringkat awalnya sebagai suatu terjemahan tehadap kitab tafsir *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* oleh Imām al-Baydawī. Walaubagaimanapun beberapa kajian terkini telah membuktikan bahawa kitab itu sebenarnya telah merujuk kepada tiga kitab yang utama iaitu Tafsīr Jalālayn , al-Baydawī dan al-Khāzin , bahkan ianya lebih banyak merujuk kepada Tafsīr Jalālayn berbanding dua tafsir lagi. Menurut Riddell lagi , pada mulanya 'Abd al-Ra'ūf cuma menterjemahkan Tafsīr Jalālayn , selepas itu karyanya itu telah ditambah dengan isi dari dua buah kitab tafsir lagi oleh muridnya iaitu Dāwūd al-Rūmī. Lihat , Op.cit , Peter Riddell ( 1989 ), hal 119-120.

<sup>205</sup> Op.cit , Wan Sabri , hal 51.

<sup>206</sup> Beliau berasal dari Banten Jawa Barat dan menghabiskan masa mudanya belajar di beberapa tempat di Tanah Jawa dan kemudiannya menuaikan haji ke Mekkah untuk menuntut ilmu serta menetap di sana. Di Mekkah beliau juga telah bertugas sebagai guru dan banyak mendalami berbagai-bagai ilmu agama sehingga ke Mesir dan Syria. Selain daripada karya tafsir tersebut , beliau banyak menghasilkan berbagai-bagai karya ilmiah di antara yang terkenalnya ialah *Matan al-Ajrūmīyyah* di dalam bidang nahu dan syarh kepada kitab Imām al-Ghazālī *Bidāyah al-Hidāyah*. Lihat , C.Snowck Hurgronje ( 1970 ) , *Mekka in The Latter Part Of The 19<sup>th</sup> Century* , E.J.Brill : Leiden , 268-271.

<sup>207</sup> Sumber rujukan utama kepada kitab ini ialah Tafsīr al-Kabīr oleh Imām al-Fakhr al-Rāzī. Kitab al-Rāzī itu menyumbang hampir kepada 70 % daripada isi kandungan kitabnya itu. Selebih 30 % lagi banyak diserap dari kitab-kitab tafsir yang lain terutama sekali Tafsīr Jalālayn yang menjadi sumber kedua selepas Tafsīr al-Kabīr. Lihat , Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ) , hal 196.

<sup>208</sup> Ibid , hal 195-96.

Bagi konteks Malaysia, pengajian Tafsir al-Qur'an mulai terkenal apabila seorang ulama' dari negeri Terengganu iaitu Sheikh Abdul Malik bin Abdullah ( meninggal 1736 M ) yang lebih dikenali dengan Tok Pulau Manis , telah ke Aceh dan berguru dengan salah seorang ulama' Aceh iaitu Sheikh 'Abd al-Ra'ūf al-Singkili. Di sana beliau sempat menyalin semula kitab Tafsir al-Baydawī yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh gurunya.<sup>209</sup> Hasil salinannya ini pula sudah pasti dibawa balik dan dipelajari di Malaysia. Setelah itu beliau telah mendalami ilmu tafsir di samping ilmu-ilmu lain di tanah suci Mekah. Akhirnya beliau pulang membuka pondok pengajiannya di Terengganu.<sup>210</sup>

Selepas kurun ke 17, para pentafsir Melayu tidak dapat dikesan sehingga awal kurun ke 20 apabila muncul beberapa orang tokoh ulama yang telah memberi sumbangan kepada pengajian Tafsir al-Qur'an di alam Melayu. Di antara yang agak terkenal ialah Prof Dr. Hamka dan Prof Mahmud Yunus<sup>211</sup> di Indonesia dan Ahmad Sonhadji di Singapura. Manakala di Malaysia pula, para tokoh yang muncul ialah seperti Tok Kenali,<sup>212</sup> Tuan Haji Muhammad Said, Maulana Abdullah Nuh,<sup>213</sup>

<sup>209</sup> Muhammad Abu Bakar ( 1991 ) , *Ulama Terengganu Suatu Sorotan* , Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd , hal 53 – 54.

<sup>210</sup> Abdul Rahman Abdullah ( 1990 ) , *Pemikiran Umat Islam di Nusantara , Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , hal 137.

<sup>211</sup> Kitab Tafsir al-Qur'an al-Karim karangan Mahmud Yunus agak terkenal di Indonesia dan telah diulang cetak sebanyak 23 kali. Lihat Op.cit , Howard M. Federspiel , hal 129-130.s

<sup>212</sup> Beliau ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad ( 1870-1933 ). Lihat Yusoff Zaky Yacob ( 2001 ), *Tok Kenali* , dalam Ismail Che Daud ( pngr ) *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu ( 1 )* , Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan , hal 259. Beliau telah membuat pentafsiran kepada surah Yasin dan cuba menterjemah Tafsir al-Khāzin dan Tafsir Ibn Kathir tetapi tak sempat dicetak. ( majalah pengasuh , bil 433 , hal 1 ) Selain itu beliau juga mempunyai ramai murid yang mampu untuk mentafsirkan al-Quran seperti Sheikh Idris al-Marbawi dan Sheikh 'Uthman Jalaluddin ( 1880-1952 ) yang menterjemah sebahagian daripada kitab Tafsir Jalālayn. Lihat Ismail Awang ( 1996 ) , *Sheikh 'Uthman Jalaluddin dalam Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung* , hal 512.

<sup>213</sup> Beliau ialah Maulana Abdullah Awang Nuh ( 1905-1947 ) yang telah belajar di kelantan dan India. Beliau telah menulis kitab Tafsir Khulāṣah al-Qur'an yang telah disalin semula oleh anak muridnya

Muhammad Idris al-Marbawi,<sup>214</sup> Dato' Haji Muhammad Noor Ibrahim, Sheikh Abdullah Basmeih dan lain-lain lagi.

Ismail Yusoff dalam penyelidikannya telah membahagikan penulisan kitab-kitab Tafsir al-Qur'an di Malaysia kepada beberapa bahagian,<sup>215</sup> iaitu :

- i) **Bahagian tulisan asal yang melibatkan penulisan kitab tafsir lengkap 30 juzuk, tafsir secara juzuk-juzuk, tafsir surah-surah tertentu dan tafsir mawdū'i ( secara bertajuk )**

Untuk kategori kitab tafsir lengkap 30 juzuk di antara kitab-kitab yang pernah dihasilkan ialah Tafsir Nūr al-Iḥsān oleh Tuan Haji Muhammad Said b. Omar , Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an oleh Sheikh Abdullah Basmeih<sup>216</sup> dan kitab Khulāṣah al-Qur'an oleh Maulana Abdullah Awang Nuh.<sup>217</sup>

---

Allahyarham Ustaz Wan Ismail Wan Nawang. Lihat, Wan Ismail Wan Nawang ( 1990 ), Khulāṣah al-Qur'an , Kota Bharu : Dian Darul Naim , hal v – viii.

<sup>214</sup> Beliau terkenal dengan penulisan berbagai-bagai kitab seperti Kamus al-Marbawi , Bahr al-Mādhī Syarḥ Mukhtaṣar al-Tirmidhī dan sebagainya. Di antara karya tafsir yang pernah dihasilkannya ialah Tafsir al-Marbawi ( 2 Jilid ) , Tafsīr Surah Yasin ( Dari Fatḥ al-Qadīr oleh al-Syawkānī ) dan Tafsīr Nūr al-Yaqīn . Lihat Abdullah al-Qari Haji Salleh ( 1967 ), *Sejarah Hidup Tok Kenali* , Kota Bharu : Pustaka Aman Press, cet. pertama , hal 112-113.

<sup>215</sup> Ismail Yusof (1992) . *Perkembangan Pengajaran dan Penulisan Tafsir di Malaysia* , Tesis Phd , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 137-210.

<sup>216</sup> Dicetak pertama kali pada 1968 , lihat , Op.cit , Wan Ramizah ( 2000 ) , hal 96.

<sup>217</sup> Pengarang asal kitab ini ialah Maulana Ahmad Ali Muhibbiddin dari Lahore Pakistan berdasarkan ajaran Shah Waliullah al-Dihlawi. Kitab ini telah diajarkan oleh Maulana Abdullah Nuh dan disalin semula oleh Ustaz Wan Ismail Wan Nawang. Lihat , Op.cit , Wan Ismail Wan Nawang , hal v – viii.

Untuk kategori kitab tafsir secara berjuzuk pula ialah *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* yg sempat disiapkan oleh Mustafa Abdul Rahman sebanyak 27 juzuk. Juga kitab *Tafsir al-Rāwī* oleh Yusof Rawa dan *Tafsir al-Qur'an* juzuk 'Amma oleh Muhammad Fauzi Awang.<sup>218</sup>

Manakala untuk kitab tafsir secara bersurah pula ialah *Kitab Ramuan Rapi* dari Surah al-Kahfi oleh Tuan Haji Muhammad Noor Ibrahim, *Kitab Tafsir al-Qur'an al-Marbawi* iaitu *Tafsir Surah Yusuf* oleh Muhammad Idris al-Marbawi dan *Kitab Tafsir al-Tibyān Fi Tafsir al-Qur'an* oleh Haji Abdul Hadi Awang.<sup>219</sup>

Juga tafsir secara bertajuk seperti ayat-ayat dialog nabi dalam al-Quran dan ayat-ayat ehwal wanita dalam al-Qur'an yg dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia.<sup>220</sup>

**ii)-Bahagian Terjemahan Kitab al-Qur'an** yang melibatkan terjemahan kepada kitab-kitab *Tafsir al-Qur'an* berbahasa Arab oleh para penulis Melayu. Di antaranya ialah terjemahan *Tafsir Jalālayn* oleh Sheikh 'Uthman Jalaluddin yg berasal dari Kg. Panjang, Daerah Sering, Kota Bharu Kelantan, Intisari al-Qur'an terjemahan Abdullah Basmeih dari karangan Sheikh Mahmud Syaṭṭūt dari Mesir dengan tajuk asalnya *Ilā al-Qur'an al-Karīm*.<sup>221</sup>

<sup>218</sup> Op.cit , Ismail Yusof, hal 157-165.

<sup>219</sup> Ibid , hal 170-177.

<sup>220</sup> Ibid , hal 196-197.

<sup>221</sup> Dicetak pertama kali pada 1965 oleh al Ahmadiyyah Press. Ibid , hal 196-97.

Manakala kitab *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* pula telah diterjemah oleh 3 orang secara berasingan iaitu (1) Ismail Mohd Hassan yang diterbitkan oleh Yayasan Islam Terengganu pada tahun 1986, (2) Siddiq Fadzil yang diterbitkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia ( ABIM ) pada tahun 1985 dan (3) Dato' Yusuf Zaki Yacob yang dicetak oleh Percetakan Dian Darul Naim Kota Bharu Kelantan pada tahun 1989.<sup>222</sup>

Juga kitab *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* karya Maulana Abdullah Yusuf Ali dari India telah diterjemah oleh Abu Solah , Muhammad Uthman al-Muhammadi pada tahun 1991.<sup>223</sup>

### **3.4 - TOKOH-TOKOH PENGAJIAN TAFSIR AL-QUR'ĀN DI ALAM MELAYU MASA KINI DAN SUMBANGAN MEREKA**

Pada bahagian ini penulis akan menyenaraikan beberapa tokoh *Tafsir al-Qur'an* yang agak popular dan dikenali di alam Melayu bersama dengan sumbangan mereka terhadap pengajian *Tafsir al-Qur'an*. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada penggunaan karya-karya mereka yang sering menjadi rujukan umat Islam di alam Melayu khususnya di Malaysia sehingga ke hari ini.

Tokoh-tokoh yang dipilih ini boleh disifatkan sebagai golongan intelektual Islam tempatan yang begitu besar sumbangannya terhadap perkembangan intelektual setempat. Menurut Prof Dr. Azyumardi Azra golongan intelektual muslim ialah

---

<sup>222</sup> Ibid , hal 197.

<sup>223</sup> Ibid , hal 198.

golongan yang senantiasa berusaha untuk mencari ilmu-ilmu yang baru serta mengembangkannya di dalam masyarakat demi untuk melihat perubahan yang baik.<sup>224</sup> Sesetengah mereka berperanan di dalam masyarakat sebagai pemimpin dan apa yang paling penting ialah sumbangan mereka kepada perkembangan ilmiah walaupun ada di antara mereka bukan berkelulusan daripada Universiti.<sup>225</sup> Segala penjelasan mengenai takrif dan fungsi golongan intelektual Islam di atas akan mengukuhkan lagi kerangka kajian penulis yang memasukkan beberapa tokoh di bidang terbabit. Di antara tokoh-tokoh yang dimaksudkan ialah :

#### 3.4.1- Tuan Haji Muhammad Said bin Omar ( 1854-1932).

Tuan Haji Muhammad Said bin Omar Khatib bin Aminuddin bin Abdul Karim dilahirkan di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah pada 1854 M bersamaan 1275 H.

---

<sup>224</sup> Ilmu-ilmu baru tersebut boleh juga dikaitkan dengan bentuk-bentuk pentafsiran yang baru terhadap ayat-ayat al-Qur'an.

<sup>225</sup> Tokoh-tokoh yang penulis senaraikan pada bahagian seterusnya kebanyakannya memiliki criteria yang dinyatakan di atas. Selain itu , Prof Dr. Azyumardi juga menyatakan beberapa fungsi yang perlu dimainkan oleh golongan intelektual muslim iaitu : **PERTAMANYA** : Mengolah segala warisan Islam atau ilmu-ilmu Islam bersesuaian dengan keperluan semasa seperti gagasan Islamisasi ilmu. **KEDUANYA** : Menyediakan ilmu-ilmu baru yang bertaraf antarabangsa yang berguna untuk semua manusia. Dua alat atau instrumen yang paling berkesan untuk tujuan ini ialah penggunaan bahasa Inggeris dan Arab sebagai bahasa ilmu dan teknologi maklumat sebagai medium penyampaian. Di dalam mencapai impian ini dunia Islam telah maju selangkah dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang mengutarakan visi *Internationalization*. Walaupun begitu bagi konteks pengajaran tafsir di Malaysia ternyata sumbangan golongan intelektual tempatan kepada matlamat ini masih lagi kurang. Oleh itu dengan gagasan penubuhan database tafsir pada bab yang keempat nanti amat berguna untuk menjadi platform ke arah menjayakan pembaharuan dalam pengajaran tafsir untuk peringkat antarabangsa. **KETIGA** : Menghasilkan karya serta melibatkan diri di dalam masyarakat dengan berbagai-bagai peranannya. **KEEMPAT** : Terlibat sama sebagai agen yang mengubah masyarakat dengan menunjukkan contoh yang baik serta bersama-sama turun ke gelanggang masyarakat sebagai pemandu. Peranan ini telah dijelaskan oleh Allah semasa menggambarkan peranan baginda Rasulullah di dalam surah al-Ahzâb ayat 21 : *Sesungguhnya pada Rasulullah itu ada mempunyai contoh yang baik yang boleh menjadi ikutan bagi orang-orang yang mengharapkan keredaan Allah dan hari akhirat*. Untuk keterangan lanjut sila lihat , Prof Dr. Azyumardi Azra (1999) , *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam* , Indonesia : PT Logos Wacana Ilmu , cet. pertama , hal 32-35.

Mendapat pendidikan pondok di Patani dan Mekah. Beliau merupakan seorang kadi atau hakim di Mahkamah Syari'ah, Jitra Kedah. Nama beliau terkenal di kalangan orang-orang yang biasa menatap kitab-kitab jawi. Di kalangan penduduk tempatan beliau dikenali dengan panggilan ulama, tok lebai, penulis dan guru Tafsir al-Qur'an.<sup>226</sup> Sumbangan beliau terhadap pengajian Tafsir al-Qur'an tidak boleh dipertikaikan lagi kerana beliau telah menghasilkan sebuah kitab Tafsir al-Qur'an yang lengkap 30 juzuk yang dinamakan *Tafsir Nur al-Ihsan* pada tahun 1927. Selain itu, beliau juga mengajar Tafsir al-Qur'an di beberapa buah masjid dan surau di Kedah sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1932.<sup>227</sup>

### 3.4.2- Prof. Dr. Hamka ( 1908-1981 ).

Haji Abdul Malik bin Karim bin Amrullah atau lebih dikenali sebagai HAMKA dilahirkan pada 17 Februari 1908, di Maninjau, Minangkabau Sumatera Barat. Ayah dan datuknya merupakan ulama yang berpengaruh di Minangkabau. Hamka ialah seorang ulama' yang disegani kerana kewibawaan dan keilmuwaninya. Beliau amat meminati sastera dan banyak menghasilkan karya di bidang berkenaan. Di samping itu, beliau juga aktif menulis di dalam pelbagai majalah dan akhbar seperti Majalah Pedoman Masyarakat dan Panji Masyarakat.<sup>228</sup> Karya-karyanya ini banyak membantu menyedarkan masyarakat Indonesia tentang kepentingan Islam dan telah mendapat perhatian beberapa Syarikat Penerbitan di Malaysia seperti Pustaka

<sup>226</sup> Najihah bt Haji Muhd Yusuf ( 1991 ), *Sumbangan Tuan Haji Muhd Said b. Omar kepada Ilmu Tafsir : Tumpuan Khas Kepada Kitab Nurul Ehsan* , latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 58-59.

<sup>227</sup> Op.cit , Ismail Yusof , hal 139.

<sup>228</sup> Op.cit , Wan Sabri , hal 147-154.

Antara dan Pustaka Melayu Baru. Beliau juga pernah dipenjarakan oleh Presiden Sukarno pada Pada 27 Ogos 1964 berdasarkan Undang-Undang Anti Subversif yang mendakwanya melakukan komplot jahat menentang kerajaan dan merancang untuk membunuh presiden. Beliau dibebaskan berikutan kejatuhan Soekarno dan terbubarnya Parti Komunis oleh pemerintahan Orde Baru.<sup>229</sup> Pada tahun 1958 beliau telah menerima anugerah ijazah kehormat daripada Universiti al-Azhar Mesir dan pada 8 Jun 1974 gelaran Doktor Kehormatan Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.<sup>230</sup> Beliau juga pernah memegang jawatan Ketua Majlis Ulama' Indonesia dari tahun 1975 sehingga 1980. Beliau telah meninggal dunia pada 24 Julai 1981 dalam usia 73 tahun kerana menderita sakit jantung.<sup>231</sup>

### **3.4.3-Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim ( 1905 – 1987 )**

Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim adalah bekas mufti negeri Kelantan dari tahun 1968 sehingga tahun kematiannya pada tahun 1987. Beliau mendapat pendidikan awal di Makkah ketika berusia 8 tahun semasa mengikut ibu bapanya ke sana. Beliau pernah terlibat di dalam perang Wahabi dan bertugas sebagai penghantar peluru ketika berusia 9 tahun. Kemudiannya beliau dibawa balik ke Kelantan dan dipersekolahkan di Sekolah Inggeris yang pertama yang didirikan di Kelantan ( 1918 ) oleh Majlis Ugama Islam Kelantan. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Makkah dan mendalami berbagai bidang ilmu seperti al-Qur'ān,

<sup>229</sup> Ibid , hal 161.

<sup>230</sup> Ibid , hal 147.

<sup>231</sup> M.Yunan Yusuf ( 1990 ) , *Corak Pemikiran Kalam Tafsir al-Azhar , Sebuah Telaah Tentang Pemikiran Hamka Dalam Teologi Islam* , Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas , hal- 52-53.

Tafsir, Qira'at, Usuluddin, Fiqh, Falak dan sebagainya. Kemahirannya di dalam ilmu Qira'at amat ketara kerana beliau telah berjaya mempelajari Qira'at 14 dan digelar sebagai *bapa Qira'at Kelantan*. Oleh kerana kemahirannya di dalam bidang Qira'at ini beliau telah diminta oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengajar di kelas Tahfiz al-Qur'an yang pertama di Masjid Negara pada tahun 1966. Kemudian pada tahun 1968 beliau pulang ke Kelantan untuk menyandang jawatan mufti berikutan kematian Dato' Haji Ahmad Maher. Jawatan tersebut dipegangnya sehingga ke akhir hayatnya pada tahun 1987.<sup>232</sup>

#### Sumbangannya terhadap pengajian Tafsir al-Qur'an

Beliau merupakan seorang ulama' yang mahir dengan pelbagai ilmu, menjadi rujukan utama di zamannya dan mahir dengan bahasa Arab dan Inggeris.<sup>233</sup> Semasa hayatnya beliau mempunyai kelas pengajiannya tersendiri di Kampung Penambang, dan banyak mengajar berbagai ilmu seperti tafsir, fiqh dan sebagainya. Di samping itu, beliau banyak menghasilkan karya ilmiah dan di dalam bidang tafsir beliau telah mengarang tafsirnya yang tersendiri pada surah al-Kahf yang bernama *Ramuan Rapi : Dari erti Surah al-Kahfi* yang dikeluarkan pada pertengahan tahun 1957 bersamaan Zulkaedah 1376 Hijriah. Beliau juga terlibat menyemak kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, yang ditulis oleh Sheikh Abdullah Basmeih yang mengandungi tafsiran 30 juzuk. Buku ini telah diterbit pada Ramadhan 1388 bersamaan Disember

<sup>232</sup> Mohamad Kamil Abdul Majid ( 1996 ), *Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim* dalam **Tokoh Ulama Semenanjung** , hal 309-325.

<sup>233</sup> *Ibid* , hal 312.

1968 oleh Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur dan digunakan secara meluas sehingga sekarang.<sup>234</sup>

### **3.4.4-Haji Abdullah Basmeih ( 1913 – 1996 )**

Sheikh Abdullah Basmeih bin Sheikh Muhammad Basmeih berasal daripada Ḥaḍr al-Mawt sebuah daerah di Yaman.<sup>235</sup> Beliau telah dilahirkan pada 29 Disember 1913 di suatu tempat yang bernama Ma‘ābadah tidak jauh daripada Masjid al-Haram , Mekah. Ayahnya yang senantiasa berulang alik di antara Mekah dan Tanah Melayu telah berkahwin dengan seorang perempuan Melayu yang bernama Yang Chik binti Haji Kesah berasal dari Sungai Kertah Pengkalan Balak Melaka. Beliau kemudiannya tinggal di Melaka bersama ibu dan adik beradik tirinya. Semasa mudanya beliau ialah seorang yang gigih di dalam menghasilkan tulisan dan pernah bertugas sebagai penterjemah rencana berbahasa Arab dan agama kepada akhbar Utusan Melayu dan Syarikat Qalam Press pada tahun 1950.

Setelah berhenti daripada Syarikat Qalam Press pada tahun 1962 beliau telah menjadi penulis bebas yang banyak menghasilkan buku-buku serta karya ilmiah yang masih digunakan sehingga ke hari ini. Beliau juga pernah bertugas di Utusan Melayu Singapura dan Kuala Lumpur. Pada tahun 1968 beliau telah dipinjamkan daripada Utusan Melayu ke Jabatan Perdana Menteri untuk menterjemah serta mentafsirkan makna al-Qur’ān. Selain itu beliau juga sempat menyusun serta menulis

---

<sup>234</sup> Ibid , hal 324.

<sup>235</sup> Walaupun begitu beliau telah pun menjadi warganegara Malaysia. Inilah sebabnya penulis memasukkan karyanya di dalam senarai tokoh tafsir di Malaysia.

hadith-hadith dan kitab-kitab lain. Di antara kitab-kitab yang dihasilkannya semasa berada di Jabatan Perdana Menteri ialah *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, *Mastika Hadith*, *Panduan Mengurus Jenazah* dan sebagainya.<sup>236</sup> Beliau telah meninggal dunia pada 14 Julai 1996 kerana sakit lemah jantung dan dikeluarkan di Tanah Perkuburan Islam Taman Keramat.<sup>237</sup>

#### **Sumbangannya terhadap pengajian Tafsir al-Qur'an**

Pernah menulis Tafsir al-Qur'an pada setiap bulan semasa bertugas di Syarikat Qalam Press.<sup>238</sup> Selain itu di antara sumbangannya yang paling besar kepada umat Islam di Malaysia ialah menghasilkan kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman bersama Dato' Haji Muhammad Noor Ibrahim bekas mufti negeri Kelantan. Tafsir ini telah diterbitkan berkali-kali dan banyak menjadi rujukan kepada umat Islam di Malaysia. Untuk perincian mengenai ulasan kitab ini, penulis akan membincangkannya secara terperinci pada bahagian kitab Tafsir al-Qur'an berbahasa Melayu yang banyak menjadi pilihan orang Melayu nanti.

#### **3.4.5- Dato' Yusoff Zaky ( 1928 – 1998 ).**

Yusoff bin Yacob atau lebih dikenali sebagai Dato' Yusoff Zaky dilahirkan di Kampung Gajah Mati Kota Bharu pada 13 Jun 1928 dan mendapat pendidikan

---

<sup>236</sup> Op.cit , Wan Ramizah Bt. Hassan , hal 109-159

<sup>237</sup> Ibid , hal 173-174.

<sup>238</sup> Ibid , hal 127.

awal daripada ayahnya sendiri. Manakala secara formal, beliau menerima pendidikan awal pada pertengahan tahun 1930an di Sekolah Majlis dan seterusnya sekolah Arab Jami' Ismaili di Kota Bharu. Pada tahun 1949, beliau melanjutkan pengajian ke Mesir di American Cairo University dalam bidang pendidikan dan psikologi. Sekembalinya beliau ke tanah air pada tahun 1955 beliau telah menjadi pengarang bebas dan bercita-cita memiliki percetakan sendiri. Komitmennya terhadap kerjayanya itu amat kuat walaupun telah ditawarkan dengan berbagai-bagai jawatan di dalam kerajaan dan parti politik.

Dalam tahun 1980-an, beliau dianugerahkan Darjah Paduka Mahkota oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan iaitu Sultan Ismail Petra. Pada awal tahun 1990-an, Baginda Sultan Kelantan sekali lagi berkenan memberikan anugerah Dato' Seri Setia Raja yang membawa gelaran Dato'. Pada tahun 1982, beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Kehormat Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 1992, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengisyiharkan beliau sebagai Tokoh Buku Kelantan. Manakala pada tahun 1998 beliau diisyiharkan sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat Negeri Kelantan 1419 H. Beliau meninggal dunia pada akhir bulan Sya'ban tahun 1419 H bersamaan dengan bulan Disember tahun 1998 kerana penyakit jantung dan buah pinggang.<sup>239</sup>

---

<sup>239</sup> Mohd Asmadi Bin Yakob ( 2002 ) , *Terjemahan Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān Oleh Yusoff Zaky Yacob: Suatu Kajian Dari Aspek Metodologi* , tesis sarjana , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 76, 89

## **Sumbangannya kepada pengajian Tafsir al-Qur'ān**

Beliau ialah seorang ulama' yang begitu meminati bidang penterjemahan dan penulisan. Beliau melibatkan diri secara sepenuh masa dalam bidang penulisan setelah kembali ke Malaysia pada tahun 1955. Di antara usahanya yang ketara untuk meyemarakkan budaya penulisannya ialah dengan penubuhan Pustaka Dian pada 2 Mac 1957.<sup>240</sup> Di antara sumbangannya terhadap pengajian Tafsir al-Qur'ān ialah dengan menghasilkan terjemahan kitab *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān*. Terjemahannya ini telah diterbitkan dengan bantuan beberapa pihak seperti Pustaka Aman Press dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPIEM).<sup>241</sup> Secara ringkasnya beliau telah menghasilkan terjemahan ini dengan penuh teliti selama sebelas tahun. Selain daripada menterjemah *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān*, Dato' Yusoff Zaky juga pernah terlibat sebagai penyemak kepada Kitab *Khulāṣah al-Qur'ān* oleh Haji Wan Ismail Wang Nawang.<sup>242</sup>

Selain daripada penulisan dan penterjemahan buku, beliau juga gigih menyampaikan kuliah agama di merata tempat. Beliau sering kali dijemput untuk memberikan kuliah di beberapa buah masjid di Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Putih dan Tanah Merah. Antara kuliah yang di sampaikan oleh beliau ialah kuliah Tafsir, Fiqh, 'Aqidah, Hadith dan lain-lain. Beliau juga telah diberi

---

<sup>240</sup> Ibid , hal 70

<sup>241</sup> Ibid , hal 75

<sup>242</sup> Wan Ismail Wan Nawang ( 1990 ), *Khulāṣah al-Qur'ān*, Kota Bharu : Dian Darul Naim, hal ix.

kepercayaan oleh pihak Istana sebagai guru di Istana Kelantan bagi menggantikan Ustaz Muhammad Che Wok yang meninggal dunia pada tahun 1987.<sup>243</sup>

### **3.4.6 - Ahmad Sonhadji.**

Ahmad Sonhadji bin Mohamad Milatu bin Hj Haromain bin Hj Hassan Muharrar dilahirkan pada hari Jumaat 24 Zulhijjah 1340 bersamaan 18 Ogos 1922 di Desa Pengging, daerah Surakarta, Jawa Tengah, Indonesia. Pada tahun 1927 ketika berusia 5 tahun, beliau telah dibawa mengembara ke Singapura, kemudiannya ke Rengat, Riau dan dibesarkan di sana.<sup>244</sup> Beliau telah mendapat pendidikan asas agama daripada ayah, ibu dan bapa saudaranya yang merupakan tokoh-tokoh agama di Rengat. Pada bulan Februari 1937 beliau telah melanjutkan pengajiannya di Singapura di sekolah Arab *Madrasah al-Junied al-Islamiah* daripada kelas *tahdiri* sehingga ke tahun enam dan tamat pengajiannya pada tahun 1944 semasa penjajahan Jepun.<sup>245</sup> Selepas menamatkan pengajiannya di sekolah tersebut pada tahun 1945, beliau telah bertugas sebagai guru pelatih di sekolah tersebut. Di samping itu beliau juga telah menubuhkan beberapa buah sekolah dan pusat pengajian seperti Madrasah Perguruan Agama Islam di Rengat pada tahun 1942, Madrasah Bustanul 'Arifin di Coronation Road Singapura pada tahun 1946 dan Rumah Wakaf di Johor pada

<sup>243</sup> Op.cit , Mohd Asmadi Yaacob , hal 88

<sup>244</sup> Dr. Zulkifli Mohd Yusoff ( 2002 ) , *A Study of Tafsir 'Abr al-Athir and Sonhadji's Methodology In Tafsir al-Qur'an* , Johor : Rangkaian Pelangi Sdn Bhd , cet. pertama , hal 26-28.

<sup>245</sup> Ibid , hal 51-54.

tahun 1955.<sup>246</sup> Beliau juga banyak menghasilkan karya ilmiah yang terdiri daripada lagu-lagu nasyid, buku-buku dan sebagainya.<sup>247</sup>

### **3.4.7-Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat**

Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat bin Raja Banjar, Menteri Besar Kelantan sejak tahun 1990 sehingga ke hari ini dilahirkan pada tahun 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kedai Lalat, Kota Bharu Kelantan. Mulai mempelajari asas-asas agama daripada bapanya dan dengan beberapa ulama' di Kelantan dan Terengganu seperti Tok Khurasan, Tuan Guru Haji Abbas dan sebagainya. Ketika berusia 19 tahun iaitu pada tahun 1952 beliau telah melanjutkan pelajarannya di sekolah Deobandi India. Pada tahun 1957, beliau telah menyambung pelajaran di dalam bidang Tafsir al-Qur'an di Syiranwala Gate di Pakistan, kemudiannya menyambung pelajaran di Universiti al-Azhar. Beliau pulang ke Malaysia pada tahun 1962 dan semenjak itu mulai melibatkan dirinya dalam bidang akademik mengajar di serata negeri Kelantan dan juga bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Agama Arab Ma'ahad Muhammadi, Jalan Merbau, Kota Bharu Kelantan. Pada tahun 1967 beliau telah menyertai Parti Islam SeMalaysia ( PAS ) dan terus bergiat aktif sebagai ahli dewan ulama', pesuruhjaya negeri dan yang terbaru menyandang jawatan mursyidul am PAS.<sup>248</sup>

---

<sup>246</sup> Ibid , hal 37-43.

<sup>247</sup> Ibid , hal 66-76.

<sup>248</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ), hal 224.

## **Sumbangan beliau terhadap pengajian Tafsir al-Qur'an**

Beliau sememangnya seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang meluas meliputi bidang hadith, tafsir, fiqh, sirah dan sebagainya. Semua ilmunya ini telah dimanfaatkannya dengan menubuhkan kelas pengajiannya yang tersendiri di Masjid Pulau Melaka, Kedai Lalat, Kelantan. Beliau mulai melibatkan diri mengajar Tafsir al-Qur'an sekembalinya beliau dari luar negeri. Pada mulanya beliau menjadikan rumahnya sebagai tempat pengajian dengan memulakan pentafsiran pada surah al-Nās. Kuliah itu kemudiannya berpindah ke Masjid Kampung Pulau Melaka berikutan sambutan yang baik daripada orang ramai.<sup>249</sup> Selain itu, beliau menggunakan Dewan Zulkifli di bangunan Pas Kota Bharu untuk menyampaikan kuliah tafsir.<sup>250</sup> pada setiap pagi hari Jumaat.<sup>251</sup>

Siri ceramah agamanya telah banyak diterbitkan di dalam bentuk kaset dan CD termasuk juga kuliah tafsirnya. Walaupun beliau dikenali sebagai penyumbang kepada pengajian Tafsir al-Qur'an, tetapi beliau tidak mengarang kitab yang khusus tentang Tafsir al-Qur'an. Apa yang ada ialah salinan semula kepada segala kuliahnya di dalam kaset. Setakat ini hanya dua buah kitab tafsirnya yang telah dibukukan iaitu Tafsir Sūrah Hūd yang diterbitkan pada bulan Oktober 1996 dan Tafsir Sūrah Yūnus yang diterbitkan pada bulan Julai 1998. Buku-bukunya ini telah disemak sendiri oleh

<sup>249</sup> Rafiah bt Hussin ( 2000 ) , *Metodologi Pentafsiran Surah Yunus oleh YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat* , latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 31.

<sup>250</sup> Secara asasnya beliau menggunakan kitab tafsir Pimpinan al Rahman di samping beberapa tambahan lain seperti Tafsir Ibn Kathir , Tafsir berbahasa Urdhu *Tafsīr Bayān al-Qur'an* dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut sila lihat , *Ibid* , hal 70

<sup>251</sup> *Ibid* , hal 31.

beliau dan buku tafsirnya yang kedua telah disusun semula oleh Ma'ahad Dakwah Wa al-Imamah.<sup>252</sup>

### **3.4.8-Tuan Guru Dato' Seri Abdul Hadi Awang**

Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu sejak tahun 1999 sehingga ke 2004 dilahirkan di Kampung Rusila, Marang, Terengganu pada 20 Oktober 1947. Beliau mendapat pendidikan awal daripada ayah dan ibunya. Pendidikan rasminya bermula di Sekolah Rendah Rusila dan Sekolah Arab, Marang. Dari tahun 1965 hingga 1968 beliau mendapat peluang melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan selepas itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Islam Madinah di peringkat Ijazah Pertama dengan tajaan biasiswa oleh kerajaan Arab Saudi. Kemudian melanjutkan pengajian dari tahun 1974 hingga 1976 untuk peringkat Sarjana Siasah Syariah (MA) di Universiti Al-Azhar, Mesir. Mulai melibatkan diri di dalam politik dengan menyertai PAS pada tahun 1964 sehingga sekarang dan telah menyandang berbagai-bagai jawatan seperti setiausaha cawangan, ketua pemuda, ahli jawatankuasa pusat, naib presiden , pemangku presiden dan sekarang ini selaku presiden.<sup>253</sup>

---

<sup>252</sup> Ibid , hal 60

<sup>253</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ) , hal 227-228.

## Sumbangannya kepada pengajian Tafsir al-Qur'ān

Semasa belajar di Madinah beliau sempat berguru dengan ramai ulama' termasuk seorang tokoh tafsir yang terkenal iaitu Shaykh Abū Bakar Jābir al-Jazā'ir yang merupakan tenaga pengajar di Universiti Islam Madinah dan Masjid Nabawi. Selain itu beliau juga telah menjalankan kajian terhadap kitab *Aqwā' al Bayān Fi Īdāh al-Qur'ān bi al-Qur'ān* ( اضواء البيان في ايضاح القرآن بالقرآن ) karangan Shaykh Muḥammad Amin al-Syinqiṭi.<sup>254</sup> Beliau mulai mengajar Tafsir al-Qur'ān<sup>255</sup> di Masjid Kampung Rusila, Marang Terengganu setelah pulang dari luar negara pada tahun 1976. Tugasannya itu sebenarnya adalah kesinambungan daripada usaha ayahnya yang merupakan salah seorang guru agama di tempat itu. Sehingga tahun 1980an beliau telah berjaya menghabiskan tafsiran terhadap keseluruhan al-Qur'ān dan kuliahnya sekarang ini adalah usaha ulangannya untuk kali kedua.<sup>256</sup>

Hari Jumaat, Sabtu dan Ahad merupakan masa beliau menyampaikan ilmu kepada rakyat. Siri-siri kuliahnya banyak diterbitkan di dalam bentuk kaset , CD dan boleh didapati di pasaran dengan mudah. Bahkan ada usaha daripada sebahagian muridnya untuk menulis semula siri kuliah tafsirnya daripada kaset-kaset tersebut di

<sup>254</sup> Abd. Ghani Husain ( 1996 ), *Metodologi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dalam tafsir al-Qur'ān* , latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 14.

<sup>255</sup> Di antara kitab-kitab tafsir yang menjadi sumber rujukan utamanya ialah *Tafsīr al-Qurtubī* , *Tafsīr Ibn Kathīr* , *Tafsīr Fath al-Qadīr* , *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān* , *Tafsīr al-Azhar* , *Tafsīr Rūh al-Ma'ānī* , *Tafsīr Pimpinan al-Rahman* dan sebagainya. Beliau hanya memilih kitab-kitab yang bersih daripada sebarang riwayat Israi'iliyyat dan yang telah disunting oleh para penyunting yang berautoriti. Selain itu di dalam pengajarannya beliau akan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami bersama dengan kaedah tafsir yang teratur dan sepututnya seperti Tafsīr bi al-Ma'thūr dan mengambil kira beberapa pandangan ulama' semasa. Lihat , *Ibid* , hal 48 – 49.

<sup>256</sup> *Ibid* , hal 30.

dalam buku. Setakat ini buku-buku yang telah diterbitkan ialah *Tafsir Surah al-Şaff*, *al-Kahf*, *al-Hujurāt*, *al-Hasyr* dan *Luqmān*. Buku-bukunya ini dinamakan dengan nama *Tafsir al-Tibyān*. Buku-bukunya ini telah disemak sendiri oleh beliau bagi memastikan kesahihannya. Selain itu beliau juga merupakan kolumnis tetap untuk lidah rasmi **Pas Harakah** pada bahagian *Tafsir al-Qur'ān* dan sehingga April 2004, beliau telah mentafsirkan *al-Qur'ān* sehingga ayat 30 surah *al-Mā'idah*.<sup>257</sup>

### 3.6- KARYA TAFSIR AL-QUR'ĀN YANG BANYAK DIGUNAKAN DI KALANGAN ORANG MELAYU

Perbincangan seterusnya akan mengandungi analisis ringkas terhadap beberapa kitab tafsir yang agak popular serta banyak digunakan di kalangan orang Melayu. Kitab-kitab tersebut meliputi karya-karya berbahasa Arab<sup>258</sup> dan Melayu. Walaubagaimanapun untuk menyeragamkan huraian, penulis akan terlebih dahulu menyenaraikan kitab-kitab berbahasa Arab diikuti dengan yang berbahasa Melayu. Di antara kitab-kitab tersebut ialah:

<sup>257</sup> Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, Dosa Qabil Berpanjangan, *Harakah*, 16 - 30 April 2004, hal 8.

<sup>258</sup> Kebanjiran bahan ilmiah ini berlaku pada zaman kebangkitan Islam sekitar tahun 1970an. Dengan berlakunya proses ini maka dunia Melayu mulai diperkaya dengan berbagai rujukan arab yang berkaitan dengan pengajian Islam seperti tafsir dan sebagainya. Teks-teks tersebut telah menjadi bahan titipan, bacaan, panduan kepada banyak anggota masyarakat dan juga menjadi teks pengajaran serta rujukan utama di beberapa fakulti pengajian Islam di Universiti Tempatan. Lihat, Op.cit, Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Isu dan Pengaruh Orientalisme di Malaysia : Satu Analisa*, hal 7-8.

### **3.6.1 – Tafsīr Mafatih al-Ghayb oleh Imām al-Fakh al-Rāzī.**<sup>259</sup>

Kitabnya ini disusun dalam 8 jilid yang tebal dan telah diulang cetak berkali-kali kerana keistimewaannya. Pengarang kitab ini hanya sempat menyiapkan tafsirnya sehingga surah al-Anbiyā' sahaja. Selepas kematiannya usaha penulisan tafsir tersebut telah disambung oleh Syihāb al-Dīn al-Khawbī ( meninggal 639 H ) dan kemudiannya oleh Najm al-Dīn al-Qamūlī ( meninggal 727 H ). Walaupun kitab ini melibatkan penyusunan daripada tiga orang yang berbeza, para pengkaji mendapati metod atau kaedah yang digunakan dari awal sehingga ke juzuk akhir kitab adalah konsisten dan sama sahaja.<sup>260</sup> Bagi konteks alam Melayu kitab ini juga banyak menjadi rujukan para ulama Melayu silam seperti kitab Marāḥ Labīd karangan Muḥammad Nawawī al-Jāwī.<sup>261</sup>

<sup>259</sup> Pengarang kitab ini ialah Muḥammad ibn ‘Umar ibn al-Ḥusayn ibn al-Ḥasan ibn ‘Afī al-Tamīmī al-Bakrī al-Tabrastānī al-Rāzī dikenali dengan gelaran Fakhr al-Rāzī. Beliau dilahir pada tahun 544 Hijrah. Seorang ulama’ yang ulung di zamannya kerana memahiri berbagai-bagai ilmu seperti tafsir , ilmu kalam , mantiq dan ilmu bahasa. Beliau telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya iaitu Dīyā’ al-Dīn atau lebih dikenali dengan gelaran Khāṭib al-Ray. Beliau telah meninggalkan banyak karya di dalam berbagai bidang ilmu dan di antara yang paling terkenal ialah tafsirnya ini. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 606 hijrah kerana telah diracun oleh puak al-Karamiyah yang sering bertelagah dengannya di dalam persoalan akidah Lihat , Op.cit , Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabi , jil 1 , hal 191-192.

<sup>260</sup> Ibid , hal 191-193.

<sup>261</sup> Kitab ini menyumbang hampir kepada 70 % daripada isi kandungan kitabnya itu. Lihat , Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ), hal 196.

### 3.6.2 – Tafsīr Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl oleh Imām al-Baydāwī.<sup>262</sup>

Kitab ini tergolong di kalangan kitab *Tafsīr bi al-Ra'y* dan merupakan ringkasan kepada kitab *Tafsīr al-Kasīsyāf* oleh Imām al-Zamakhsharī, *Tafsīr Fakhr al-Rāzī* dan *Tafsīr al-Rāghib al-Asbīhānī*. Akan tetapi beliau telah membuang unsur-unsur fahaman Mu'tazilah yang terkandung di dalamnya.<sup>263</sup> Kitab ini telah menjadi rujukan utama beberapa karya yang dihasilkan oleh ulama Melayu silam seperti karya tafsir karangan 'Abdul Ra'ūf al-Singkili Tarjumān al-Mustafid. Selain itu, ianya juga banyak menjadi rujukan ulama terkini di alam Melayu seperti Sonhadji di dalam kitab tafsirnya 'Abr al-Athīr'.<sup>264</sup>

### 3.6.3 – Lubāb al-Ta’wīl Fi Ma‘āni al-Tanzīl oleh al-Khāzin.<sup>265</sup>

Kitab ini merupakan ringkasan yang telah dibuatnya terhadap kitab tafsir Mu‘ālim al-Tanzīl oleh Imām al-Baghawī. Selain itu, beliau juga banyak menambah ringkasan tersebut dengan beberapa tafsiran yang dikutipnya daripada tafsir-tafsir

<sup>262</sup> Pengarang kitab ini Nāṣir al-Dīn Abu al-Khayr ‘Abdullah ibn ‘Umar ibn Muḥammad ibn ‘Afī al-Baydāwī al-Syāfi‘ī. Gelaran al-Baydāwī disandarkan kepada suatu negeri di Farsi. Beliau adalah seorang alim di Azerbaijan dan telah dilantik sebagai qadi di Shiraz. Beliau meninggal dunia di Tabriz pada tahun 691 H , manakala ada juga berpendapat beliau meninggal dunia pada 685. Memiliki banyak karya ilmiah di dalam berbagai-bagai bidang di antaranya ialah kitab tafsirnya ini. Lihat , Op.cit , Dr. Husayn al-Dhahabī , Jil 1 , hal 195.

<sup>263</sup> Ibid , hal 196-199.

<sup>264</sup> Op.cit , Dr. Zulkifli Mohd Yusoff, hal 93-96.

<sup>265</sup> Pengarang kitab ini ialah ‘Alā’ al-Dīn , Abū al-Ḥasan , ‘Afī ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm ibn ‘Umar ibn Khāfiṭ al-Baghdādī al-Ṣūfī. Beliau lebih dikenali sebagai al-Khāzin iaitu bermaksud (penjaga) kerana beliau adalah penjaga stor yang mengandungi buku-buku oleh *Khāniqah al-Simaysatiyyah* di Damsyiq. Beliau lahir di Baghdad pada tahun 678 hijrah dan suka menuntut ilmu serta mengarang kitab seperti kitab tafsirnya ini. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang mengamalkan kehidupan secara sufi dan meninggal dunia pada tahun 741 hijrah di Bandar Halab. Lihat , Op.cit , Dr. Muhammad Husayn al-Dhahabī , Jil 1 – hal 204.

yang lain. Pada zaman awal Islam di alam Melayu, *Tafsir al-Khāzin* telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat Melayu kerana beliau adalah seorang pengulas hikayat yang baik dan kebanyakannya kisah-kisahnya sedap untuk dibaca.<sup>266</sup> Menurut Peter Riddell kisah-kisah tersebut ternyata mengandungi persamaan dengan kisah hikayat melayu yang mengaitkan sikap raja yang adil kemudiannya tersilap langkah dan kembali ke pangkal jalan (bertaubat) setelah menyedari kesilapannya.<sup>267</sup> Secara ringkasnya, kitab ini berjaya menarik perhatian alam Melayu kerana penerapan nilai-nilai moral yang diselitkan di dalam kisah para nabi.

Selain itu, tahap penggunaan bahasa Arab di dalam kitabnya agak rendah dan senang difahami. Akan tetapi, kitab ini telah menimbulkan kontroversi yang hangat di dunia Arab kerana isi kandungannya yang dikatakan tidak begitu berautoriti dan mengandungi banyak riwayat *isrā'īliyyāt*.<sup>268</sup> Riddell yang mengkaji tentang manuskrip tafsir MS li.6.45 dari perpustakaan Universiti Cambridge juga mendapati manuskrip tersebut telah menggunakan *Tafsir al-Khāzin* sebagai salah satu

---

<sup>266</sup> Pendekatan ini didapati bersesuaian dengan tradisi di rantau ini yang sukakan kepada cerita-cerita yang sedemikian lebih-lebih lagi kisah-kisah yang melibatkan para pemerintah dan raja yang menjadi sanjungan orang Melayu. Di antara contoh yang boleh kita teliti ialah tafsiran *al-Khāzin* pada kisah nabi Dāwūd dan jeneralnya di dalam surah *Şād* ayat 7. Kisah tersebut menceritakan bagaimana nabi Dāwūd seolah-olah tergoda dengan kecantikan isteri jeneralnya. Baginda kemudiannya telah merancang untuk membunuh jeneralnya dengan mengarahkannya masuk ke satu medan perang dengan harapan kematian jeneralnya akan membolehkan baginda merampas isteri jeneralnya. Setelah ditegur oleh Allah melalui perantaran malaikat yang menyamar sebagai manusia baginda tunduk bertaubat. Lihat 'Ali ibn Muhammad al-Khāzin (1979), *Lubāb al-Ta'wil Fi Ma'āni al-Tanzil* (*Tafsir al-Khāzin*), Dār al-Fikr , jil 6, hal 46-48.

<sup>267</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ), *Islam and the Malay Indonesian World* , hal 144.

<sup>268</sup> Ibid , hal 145

rujukannya. Fakta ini secara tidak langsung telah membuktikan kemasyhuran kitab ini di kalangan masyarakat Melayu pada zaman awal Islam di rantau ini.<sup>269</sup>

### 3.6.4 – Tafsir al-Qur'an al-'Azim oleh Ibn Kathir.<sup>270</sup>

Kitab ini dihasilkan dalam 5 jilid yang menghuraikan Tafsir al-Qur'an secara menyeluruh. Kitab ini dianggap sebagai kitab Tafsir bi al-Ma'thūr yang kedua selepas Tafsir al-Tabarī kerana ianya mengumpulkan segala riwayat di dalam mentafsir sesuatu ayat-ayat al-Qur'an. Beliau banyak merujuk kepada kitab-kitab tafsir sebelumnya seperti Tafsir al-Tabarī, Ibn Abī Ḥātim, Ibn 'Atiyyah dan sebagainya. Dengan kepakarannya di dalam bidang hadith, beliau banyak membawakan hadith-hadith yang berkaitan dengan pentafsiran ayat bersama-sama dengan taraf serta martabat sesetengah hadith tersebut. Di samping itu, beliau juga menghindarkan perbincangan kisah isrā'iliyyāt yang tidak berasas. Bahkan beliau akan menyatakan dengan jelas sekiranya sesuatu riwayat ada mengandungi unsur-

---

<sup>269</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 1989 ), hal 120 & Anthony H. John ( 1998 ), *Qur'anic Exegesis in Malay World : In Search of a Profile*, dalam *Approaches To The History Of The Interpretation Of The Qur'an*, Oxford : Clarendon , hal 261.

<sup>270</sup> Pengarang kitab ini ialah 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'il ibn 'Umar ibn Kathir ibn Dāw' ibn Kathir ibn Dhar' al-Basri. Merupakan seorang ulama' yang memahiri berbagai bidang ilmu seperti hadith , tafsir , sejarah dan sebagainya. Beliau telah dididik oleh Ibn Taymiyyah dan banyak terpengaruh dengan cara gurunya itu seperti begitu mengambil berat tentang sesuatu sanad dan berita yang diterima. Beliau telah mengarang banyak kitab di dalam berbagai-bagai bidang. Mengikut catatan para pengkaji , sebanyak 28 buah daripada kitabnya tercatat manakala selebihnya masih berada di dalam bentuk manuskrip. Kebanyakan daripada kitab-kitabnya masih digunakanapai secara meluas oleh para penuntut ilmu sehingga ke hari ini. Beliau telah meninggal dunia selepas kehilangan nikmat pandangan matanya pada hari khamis 26 Sya'ban tahun 774 hijrah dan dikebumikan di perkuburan ahli sufi bersebelahan dengan kubur gurunya yang amat dihormatinya Ibn Taymiyyah. Lihat Op.cit , Ibn Kathir , jil 1 , hal 9-16

unsur tersebut. Beliau juga ada membawakan perbincangan fiqh secara ringkas tetapi tidak terlalu mendalam.<sup>271</sup>

Bagi konteks alam Melayu, kitab ini mendapat tumpuan yang agak mengalakkannya daripada tokoh pengajian Tafsir al-Qur'an di alam Melayu. Para tokoh tafsir tempatan yang penulis nyatakan sebelum ini seperti Dato' Haji Nik Abdul Aziz, Sonhadji dan Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang telah menjadikan tafsir ini sebagai salah satu rujukan yang digunakan di dalam pengajarannya.

### 3.6.5 – Tafsir Jalālayn oleh Jalāl al-Dīn al-Mahāffi and Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.

Pengarang kitab ini ialah 2 orang ulama' yang agung iaitu Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī dan Jalāl al-Dīn al-Mahāffi. Imām Jalāl al-Dīn al-Mahāffi ( meninggal dunia 864 Hijrah ) telah memulakan pentafsiran terhadap kitab ini bermula daripada awal surah al-Kahf sehingga ke akhir al-Qur'an iaitu surah al-Nās. Selepasnya datang pula Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (meninggal dunia 911 Hijrah ) menyempurnakan tafsiran kitab tersebut.<sup>272</sup> Walaupun disusun secara berasingan oleh dua orang ulama', kaedah atau metod pentafsirannya adalah sama, kerana Imām al-Suyūṭī telah mengikut kaedah yang telah digunakan oleh al-Mahāffi. Kaedah penulisan yang digunakan di dalam kitab ini amat ringkas dan padat. Meraka hanya mengutarakan pendapat-pendapat yang paling kuat sahaja di dalam mengutarakan sesuatu perbincangan. Selain itu mereka juga akan mendatangkan I'rāb kepada beberapa ayat

dan perkataan yang dirasakan perlu serta membawakan perbincangan mengenai

<sup>271</sup> Op.cit , Dr. Muhammad Husayn al-Dhahabi , jil 1 , hal 163-165.

<sup>272</sup> Ibid , jil 1 , hal 218-220.

yang dirasakan perlu serta membawakan perbincangan mengenai beberapa Qirā'at yang masyhur dan sebagainya. Mereka juga mengelakkan huriaian yang terlalu panjang yang tidak diperlukan di dalam pentafsiran sesuatu ayat.<sup>273</sup>

Secara umumnya, kaedah pentafsiran kitab ini yang amat ringkas dan padat bersesuaian sebagai suatu kitab permulaan di dalam memperkenalkan pengajian Tafsir al-Qur'ān kepada orang awam. Dalam konteks alam Melayu, para pengkaji tidak dapat menyatakan dengan tepat bilakah kitab ini mulai sampai ke rantau ini. Walaupun bagaimanapun, kitab ini ternyata telah lama digunakan oleh umat Islam di alam Melayu berdasarkan kepada penelitian-penelitian yang diperolehi daripada karya awal tafsir oleh ulama' rantau ini. Para pengkaji mendapati banyak karya tafsir awal di rantau alam Melayu merujuk kepada kitab ini seperti manuskrip tafsir MS li.6.45 dari perpustakaan Universiti Cambridge,<sup>274</sup> Tarjumān al-Mustafid<sup>275</sup> dan Marāḥ Labīd.<sup>276</sup>

Bukti lain yang boleh disabitkan dengan kemasyhuran kitab ini di rantau alam Melayu ialah dengan penemuan beberapa manuskrip di Muzium Negara, Jakarta, Indonesia. Di antara 40 manuskrip berkaitan dengan Tafsir al-Qur'ān yang terdapat di muzium, terdapat 8 daripadanya merupakan manuskrip salinan serta ulasan kepada kitab ini.<sup>277</sup> Boleh dikatakan kemasyhuran kitab ini pada masa sekarang adalah

<sup>273</sup> Ibid ,jil 1 ,hal 221.

<sup>274</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 1989 ) , hal 112 .

<sup>275</sup> Ibid , hal 119-120.

<sup>276</sup> Op.cit , Peter Riddell ( 2001 ), hal 146-147 & 196.

<sup>277</sup> Ibid.

merupakan kesinambungan daripada kemasyhurannya di zaman lampau. Bahkan sehingga kini, tafsir ini masih lagi menjadi rujukan dan material dalam pengajian Tafsir al-Qur'an di negara kita.<sup>278</sup>

### 3.6.6 –Tafsir Fi Zilāl al-Qur'ān karangan Sayyid Quṭb ( 1906 – 1966 )<sup>279</sup>

Tafsir Fi Zilāl al-Qur'ān karangan Sayyid Quṭb merupakan salah sebuah kitab tafsir yang lahir pada abad ke-20. Usaha penulisan Tafsir Fi Zilāl al-Qur'ān dimulakan pada tahun 1951 apabila salah seorang pemimpin Ikhwān al-Muslimūn iaitu Sa'īd Ramaḍān menerbitkan Majalah al-Muslimun dan telah menjemput Sayyid Quṭb menjadi kolumnis tetap majalah tersebut.<sup>280</sup> Jemputan tersebut menarik minat Sayyid Quṭb untuk menulis artikel tafsir dengan menggunakan satu tajuk iaitu Fi Zilāl al-Qur'ān. Pentafsiran Sayyid Quṭb dalam kolumn Tafsir Fi Zilāl al-Qur'ān telah sampai ayat ke 103 surah al-Baqarah.<sup>281</sup> Setelah itu, Sayyid Quṭb mengambil

<sup>278</sup> Penulis sendiri semasa menuntut di Institut Pengajian Tahfiz al-Qur'ān wa al-Qira'at pada tahun 1993 hingga 1996 sempat mempelajari tafsir tersebut selama satu semester.

<sup>279</sup> Pengarang kitab ini ialah Sayyid Quṭb Ibrāhīm Ḥusayn Syadīḥī yang dilahirkan di daerah Asyyūt Mesir pada 9 Oktober 1906. Mendapat pendidikan awal di kampungnya kemudian ke Qāhirah. Tamat pengajian di kulliyah Dār al-'Ulūm pada tahun 1933 dalam bidang sastera. Bertugas sebagai guru dan pegawai pemerhati di Kementerian Pendidikan Mesir dari tahun 1933 hingga 1952. Beliau adalah seorang sasterawan yang banyak menghasilkan karya di bidang yang terbabit. Dari tahun 1948 hingga 1950 beliau telah dianjur oleh Kementerian Pendidikan Mesir ke Amerika untuk mempelajari metodologi pengajaran negara itu. Selepas itu kecenderungannya telah berubah kepada gerakan Islam dan telah menyertai gerakan Ikhwan al-Muslimin pada tahun 1953. Permusuhan di antara kerajaan Mesir dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin telah bermula pada tahun 1954. Akibatnya beliau telah dijatuhi hukuman bunuh oleh kerajaan Mesir pada tahun 29 Ogos 1966 di atas tuduhan menubuhkan pakatan jahat untuk menjatuhkan kerajaan Mesir. Lihat Op.cit , Dr. Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī , hal 612-614.

<sup>280</sup> Ibid , hal 616.

<sup>281</sup> Ibid

keputusan untuk berhenti menulis Tafsir Al-Qur'an di dalam Majalah al-Muslimun dan menumpukan penulisan tafsir di dalam kitab.

Penerbitan sulung *Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'an* dalam bentuk kitab bermula pada bulan Oktober tahun 1952. Di antara bulan Oktober 1952 hingga Januari 1954, *Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'an* berjaya diterbitkan sebanyak 16 juzuk mengikut juzuk Al-Qur'an iaitu sehingga surah Ṭaha.<sup>282</sup> Usaha penulisannya terbantut seketika kerana beliau telah ditangkap dan dipenjarakan di atas beberapa tuduhan oleh kerajaan Mesir.<sup>283</sup> Walau bagaimanapun, disebabkan Sayyid Quṭb telah membuat perjanjian dengan syarikat penerbitan Dār al-Kutub al-'Arabiyyah bagi menyempurnakan penulisan *Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'an*, syarikat tersebut mendakwa kerajaan Mesir dan menuntut ganti rugi akibat menahan Sayyid Quṭb daripada menyempurnakan penulisan tafsirnya. Kerajaan Mesir kemudiannya membenarkan Sayyid Quṭb meneruskan penulisan *Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'an* ketika berada di penjara. Akhirnya beliau dapat menyempurnakan penulisannya pada penghujung tahun 1950-an selepas lima tahun berada di dalam penjara.<sup>284</sup> Selepas itu Sayyid Quṭb telah melakukan pengemaskinian serta penyuntingan terhadap tafsirnya sehingga ke juzuk ketiga belas. Walau bagaimanapun, beliau tidak sempat mengemas kinikan juzuk-juzuk yang baki tersebut kerana beliau kemudiannya ditangkap kembali atas tuduhan-tuduhan palsu dan zalim yang membawa hukuman gantung sampai mati.<sup>285</sup>

---

<sup>282</sup> Ibid

<sup>283</sup> Ibid

<sup>284</sup> Ibid

<sup>285</sup> Sayyid Quṭb (2000), *Tafsir Fi Ḥilāl al-Qur'an*, Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.), Kota: Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. xxxviii

Kitab tafsir ini muncul buat kali pertama dalam bahasa Melayu pada tahun 1952 di atas usaha Salim Baharaisj dan Muhammad Ali dengan menggunakan tajuk Di Bawah Naungan al-Qur'ān : Tafsir Populer dan Progressif. Terjemahan pertama ini telah dicetak di Surabaya oleh Pustaka Progressif pada tahun 1952.<sup>286</sup> Kitab ini banyak menjadi rujukan beberapa gerakan Islam di Malaysia yang terpengaruh dengan cara pentafsirannya yang begitu mantap dan berkesan. Sebagai contohnya ialah, ABIM telah menggunakan kitab ini sebagai teks rujukan kegiatan usrah mereka.<sup>287</sup> Selain itu, teks ini juga menjadi pilihan beberapa tokoh di dalam parti PAS seperti Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang untuk menyampaikan kuliah-kuliah tafsirnya serta menyemarakkan semangat perjuangan parti. Kitab ini juga telah diterjemah sebanyak beberapa kali ke dalam bahasa Melayu<sup>288</sup>

---

<sup>286</sup> Op.cit , Wan Sabri , hal 70.

<sup>287</sup> Badlihisham Mohd Nasir ( 1998 ) , *Islamic Movements In Malaysia : A Study Of Dak'wah In Pas and Abim* , Tesis PHd , University of Birmingham , hal 261.

<sup>288</sup> Kitab Tafsir Fi Zilāl al-Qur'ān telah diterjemah oleh beberapa orang secara berasingan iaitu (1) Ismail Mohd Hassan yang diterbitkan oleh Yayasan Islam Terengganu pada tahun 1986, (2) Ustaz Siddiq Fadzil yang diterbitkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia ( ABIM ) pada tahun 1985 dan (3) Dato' Yusuf Zaki Yacob yang dicetak oleh Percetakan Dian Darul Naim Kota Bharu Kelantan pada tahun 1989. Lihat Op.cit , Ismail Yusof , hal 197.

### 3.6.7- Tafsir al-Munir karangan Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli<sup>289</sup>

Beliau memiliki banyak karya ilmiah dan di antara yang mendapat perhatian ramai ialah kitab tafsirnya yang dinamakan dengan Tafsir al-Munir yang terdiri daripada 16 jilid dan mengandungi pentafsiran kepada 30 juzuk al-Qur'an. Proses penulisan kitab ini telah memakan masa selama beberapa tahun dan selesai sepenuhnya pada 13 Zulkaedah 1408 bersamaan 27 Jun 1988. Edisi pertama tafsir ini telah diterbitkan oleh Syarikat Där al-Fikr Damsyiq pada tahun 1991.<sup>290</sup> Tafsir ini merupakan suatu kitab terkini yang cukup popular di kalangan ahli ilmu di Malaysia. Bahkan ianya digunakan secara meluas di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>291</sup> Selain itu, para penceramah agama juga berminat untuk menggunakan kitab ini sebagai teks rujukan kuliah-kuliah mereka kerana isi

<sup>289</sup> Pengarang kitab ini ialah Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli yang berasal daripada Syria. Beliau lahir pada tahun 1932 di Damsyiq dan mendapat pendidikan awal di kuliah Syariah di Damsyiq. Seterusnya beliau menyambung pelajarannya ke kuliah Syariah di Universiti al-Azhar dan mendapat Ijazah Tinggi Universiti al-Azhar dengan penghususan bidang pengajaran di dalam bidang bahasa arab pada tahun 1956. Di samping itu, beliau juga memasuki kuliah Undang-undang di Universiti 'Ayn Syams dan mendapat ijazah undang-undang pada tahun 1957. Selepas itu beliau juga mendapat ijazah sarjana di dalam bidang undang-undang daripada Universiti al-Qāhirah pada tahun 1959. Beliau seterusnya mendapat ijazah kedoktoran (Phd) di dalam bidang Syar'iyyah Islamiyyah pada tahun 1963. Selepas itu beliau telah dilantik menjadi pensyarah di Universiti Damsyiq dan mendapat pangkat pembantu profesor pada tahun 1969 dan professor pada tahun 1975. Beliau mempunyai kepakaran yang mendalam di dalam fiqh serta usul fiqh dan mengajar kedua-dua mata pelajaran tersebut bersama-sama dengan mata pelajaran fiqh perbandingan serta undang-undang di Universiti Damsyiq. Oleh kerana kepakarannya itu beliau telah dipinjamkan beberapa kali ke beberapa buah universiti di tanah arab sebagai profesor pelawat seperti di Libya , Sudan , Kuwayt , Qatar , Arab Saudi dan sebagainya. Di samping itu beliau juga banyak mengarang buku yang masih digunakan sehingga ke hari ini seperti buku fiqh perundangan Islam dan Tafsir al-Munir. Beliau mempunyai banyak murid dari serata dunia seperti dari tanah arab dan asia. Setakat yang penulis teliti , belum ada buku yang khusus yang menghuraikan tentang sejarah hidup pengarang kitab ini secara panjang lebar. Maklumat yang lebih lengkap mengenai biodata beliau boleh didapati di laman web rasmi beliau <http://www.zuhayli.com/biography.htm> ( 19 Januari 2004 ) dan lihat juga Op.cit , Dr. Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī , hal 607-608.

<sup>290</sup> Ibid , hal 608.

<sup>291</sup> Semasa penulis menuntut pada peringkat sarjana muda Usuluddin di Universiti Malaya dari tahun 1997 sehingga 2000 , para pensyarah di Akademi Pengfajian Islam Universiti Malaya telah menjadikan kitab ini sebagai bahan pengajaran Tafsir al-Quran kerana metodologinya yang menarik dan senang difahami.

kandungannya yang mudah dan bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Perbincangan fiqh yang dibawa oleh pengarang kitab ini ternyata dapat diterima dengan baik oleh anggota masyarakat yang sememangnya inginkan penjelasan hukum fiqh daripada sumber asal Islam iaitu al-Qur'an dan Hadith.<sup>292</sup> Persatuan Ulama Malaysia dengan kerjasama beberapa tokoh akademik Universiti tempatan telah menjalankan usaha penterjemahan kepada kitab ini. Setakat ini juzuk 28, 29 dan 'Amma telah disiapkan.<sup>293</sup>

### 3.6.8- Tafsir Nūr al-Iḥsān oleh Muhammad Sa'id.<sup>294</sup>

Kitab ini merupakan sebuah kitab Tafsir al-Qur'an yang berbahasa Melayu dan ditulis dengan tulisan jawi. Mulai ditulis pada bulan Zulhijjah 1344 bersamaan dengan Januari 1925 dan selesai penulisannya pada 1 Rabi' al-Akhir 1346 bersamaan dengan 1 Oktober 1927. Kitab ini terdiri daripada empat jilid yang mengandungi tafsiran kepada 30 juzuk al-Qur'an. Gaya pentafsiran dibuat dengan mengikut susunan ayat-ayat al-Qur'an dan agak mirip kepada kitab Tafsir Jalālayn yang meletakkan ayat-ayat yang ditafsirkan di dalam kurungan.<sup>295</sup> Pengarang kitab ini telah menggunakan beberapa kitab rujukan seperti Tafsir Jalālayn, al-Bayḍāwī, al-Jamāl , dan al-Nasafi<sup>296</sup> Kitabnya telah berjaya memberikan pengertian yang cukup

<sup>292</sup> Berdasarkan kepada temuraman yang dijalankan dengan Ustaz Mohd Farid bin Samad, Imam 1 Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 20 Januari 2004.

<sup>293</sup> Terjemahan juzuk 'Amma , 29 dan 28 kitab Tafsir al-Munir telah dicetak oleh Syarikat Intel Multimedia and Publication ( Petaling jaya ) pada tahun 2001. Buku ini telah diterjemahkan oleh sebuah panel penterjemah yang diketuai Prof Madya Dr. Zulkifli Yusof dan disemak oleh Persatuan Ulama' Malaysia. Lihat <http://www.e-ulama.org/Katalog/Default.asp?mode=0&ID=35> ( 20 Januari 2004 )

<sup>294</sup> Penulis telah menemui sebuah laman web khusus berkaitan dengan beliau di [http://www.saaid.org.my/new/l\\_u.htm](http://www.saaid.org.my/new/l_u.htm) ( 5 Februari 2004 )

<sup>295</sup> Op.cit , Najihah bt Haji Muhd Yusuf, hal 58 – 68.

dan al-Nasafi<sup>296</sup> Kitabnya telah berjaya memberikan pengertian yang cukup kepada ayat-ayat al-Qur'an dan masih digunakan di Kedah sehingga hari ini serta diulang cetak berkali-kali.<sup>297</sup>

### 3.6.9-Tafsir al-Azhar oleh Prof. Dr. Hamka.

Beliau mulai mengajar tafsir semasa bertugas sebagai imam di Masjid Al-Azhar yang terletak berdekatan rumahnya di daerah Kebayoran Baru, Jakarta. Kitab Tafsir al-Azhar sebenarnya berasal daripada siri-siri kuliah subuhnya di Masjid Agung al-Azhar sejak tahun 1959.<sup>298</sup> Semasa berada di dalam penjara selama 3 tahun beliau banyak menghabiskan masanya dengan beribadat, membaca dan menghasilkan karya agungnya Tafsir al-Azhar. Sebenarnya beliau sudah lama ingin menghasilkan karya tersebut akan tetapi terhalang kerana kesibukannya dengan berbagai urusan. Setelah berada dalam tahanan, penulisan tafsir itu pun ditekuninya, hingga selesai seluruhnya dan di atas cadangan para jemaah dan murid-murid di Masjid al-Azhar, tafsir tersebut dinamai Tafsir al-Azhar. Kitab tafsirnya ialah kitab tafsir yang lengkap terhadap 30 juzuk al-Qur'an. Tafsirnya mempunyai berbagai-bagai perbincangan terutama sekali berkaitan dengan isu politik.<sup>299</sup>

---

<sup>296</sup> Ibid , hal 70.

<sup>297</sup> Ibid , hal 58.

<sup>298</sup> Op.cit , M. Yunan Yusuf , hal 53.

<sup>299</sup> Di antara beberapa contohnya ialah mengenai kewajipan menubuhkan negara Islam (al-Nisa' 59) , Allah akan menyerahkan kekuasaan kepada sesiapa sahaja ( Ali 'Imran : 26 ) , Pembentukan negara melalui organisasi ( al-Baqarah : 246 ) , Berbagai-bagai bangsa diberikan peluang untuk memerintah bumi ( Yunus : 13 & 14 ) dan kewajipan mempertahankan negara ( al-Hajj : 40 ). Lihat , Kamaliah bt Hussin ( 1998 ) , *Pemikiran HAMKA dalam Politik Menurut Kitab Tafsir al-Azhar* , Latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 49-50.

Pendidikan Malaysia juga menerbitkan naskhah khusus kitab ini untuk kegunaan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Ianya juga boleh didapati di perpustakaan-perpustakaan Universiti tempatan, jabatan kerajaan, masjid-masjid serta surau-surau bahkan di seluruh rumah umat Islam di seluruh negara.<sup>303</sup>

### 3.6.11 - Tafsir 'Abr al-Athir<sup>304</sup> oleh Sonhadji.

Kitab tafsir ini adalah himpunan syarahan-syarahan tafsirnya melalui radio Singapura bermula daripada 19 Februari 1959 ( pada setiap malam Jumaat ) sehingga 26 April 1984. Usaha pengumpulan kitab ini telah memakan masa selama 25 tahun dan telah dibukukan secara berpenggal sebanyak 30 penggal sehingga juzuk ke 30. Beliau telah menggunakan banyak kitab-kitab tafsir muktabar<sup>305</sup> dan kitab-kitab hadith<sup>306</sup> sebagai rujukan kitabnya. Kitab ini telah dikarang dengan menarik dan mudah untuk difahami bersesuaian dengan sasaran pendengar dan pembaca yang lebih meluas.<sup>307</sup>

---

<sup>303</sup> Ibid , 291-293.

<sup>304</sup> 'Abr al Athir bermaksud *melalui gelombang radio* yang merujuk kepada usaha pengenalan tafsirnya di dalam radio di Singapura. Lihat , Op.cit , Dr. Zulkifli Mohd Yusoff , hal 159.

<sup>305</sup> Di antara kitab-kitab tafsir itu ialah Tafsir al-Tabarī , Ibn Kathīr , al-Baghawī , al-Bayḍāwī , al-Qurtubī , al-Khāzin , al-Marāghī , al-Fakhr al-Rāzī dan sebagainya. ( Ibid , 78-119 ).

<sup>306</sup> Di antara kitab-kitab hadith yang menjadi rujukannya ialah Ṣahīḥ al-Bukhārī , Muslim , Sunan Abū Dāwūd , al-Tirmidhī , al-Nasā'i , Ibn Mājah , al-Bayhaqī dan Musnad Ahmad. ( Ibid , 126-154 ).

<sup>307</sup> Ibid , hal 170.

### **3.7-ASPEK-ASPEK PEMODENAN DAN PEMBAHARUAN DI DALAM PENGAJIAN TAFSIR DI KALANGAN ORANG MELAYU.**

Sebenarnya aspek-aspek pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'an di kalangan orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (1); perbincangan mengenai penggunaan teknologi terkini di dalam mengukuhkan pengajian Tafsir al-Qur'an, dan (2); aliran pentafsiran baru yang dilakukan oleh para pentafsir Melayu terhadap ayat-ayat al-Qur'an :

#### **3.7.1- Penggunaan teknologi terkini untuk menaik tarafkan pengajian Tafsir al-Qur'an.**

Dalam konteks pengajian Tafsir al-Qur'an di alam Melayu, fenomena ini berlaku dengan begitu ketara sekali. Berbagai-bagai teknologi terkini seperti salinan teks,<sup>308</sup> audio video dan internet digunakan secara meluas di dalam memantapkan pengajian Tafsir al-Quran. Kuliah-kuliah pengajian tafsir telah dipindahkan ke dalam bentuk-bentuk kaset, cakera padat,<sup>309</sup> laman web,<sup>310</sup> dan sebagainya. Dengan bantuan teknologi tersebut, penyebaran bahan-bahan pengajian tafsir akan menjadi lebih meluas. Ia juga dapat membuka peluang kepada lebih ramai orang mempelajari Tafsir

---

<sup>308</sup> Penjelasan mengenainya ialah tentang usaha menyalin semula siri-siri kuliah beberapa tokoh tafsir Melayu ke dalam buku seperti kuliah Nik Aziz dan sebagainya.

<sup>309</sup> Kita boleh dapat di pasaran banyak sekali kaset-kaset serta cakera padat ( vcd ) berkaitan dengan pengajian Tafsir al-Qur'an. Untuk keterangan lanjut sila rujuk perbincangan mengenai tokoh-tokoh tafsir di Malaysia.

<sup>310</sup> Berikut adalah beberapa laman web rasmi tokoh-tokoh tafsir alam Melayu. Laman-laman web tersebut mengandungi siri-siri kuliah mereka yang boleh dimuat turun serta diulang dengar. Lihat laman web Nik Aziz di <http://mbkelantan.dinasini.com/isi/kuliah/index.htm> ( 21 Januari 2004 ) dan laman web Prof Dr Hamka di <http://al-ahkam.com.my/hamka/> ( 21 Januari 2004 )

al-Qur'an kerana bukan semua orang berkesempatan untuk menghadiri kelas-kelas pengajian tafsir tersebut.

### 3.7.2- Aliran pentafsiran baru dengan sintesis terkini.

Pada bahagian ini penulis akan cuba membawakan beberapa tafsiran pilihan yang telah dilakukan oleh beberapa tokoh pentafsir Melayu yang dapat di kesan di dalam karya-karya mereka yang menepati perkembangan Sains moden serta kehendak semasa. Di antara contoh-contoh yang dapat diketengahkan ialah :

3.7.2.1- Kepentingan psikologi dalam dakwah<sup>311</sup>: Perkara tersebut boleh dilihat pada huraihan Dato' Haji Nik Abdul Aziz pada ayat 8 surah Hud :

وَلَئِنْ أَخْرَنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَى أَمَّةٍ مَعْذُودَةٍ لَيَقُولُنَّ مَا يَحْبِسُهُ أَلَا يَوْمٌ يَأْتِيهِمْ لَنِسْ  
مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهِزُونَ (٨)

Ertinya : *Dan demi sesungguhnya, jika Kami tangguhkan azab daripada menimpa mereka hingga ke suatu masa tertentu, tentulah mereka akan berkata ( secara mengejek ) : Apakah yang menghalangnya ? Ketahuilah! Pada hari datangnya azab itu kepada mereka, tidak akan dapat ditolak daripada menimpa mereka dan tentulah mereka akan diliputi oleh azab yang mereka telah ejek-ejek itu.*

*( Hud : 8 )*

<sup>311</sup> Haziyah Hussin ( 1998 ) , *Pemikiran Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Tafsir al-Qur'an : Tumpuan Terhadap Surah Hud*, latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 89-92.

Beliau menyifatkan pendakwah sebagai doktor yang perlu mengubati penyakit dengan apa cara sekalipun. Ubat yang hendak diberi perlu disesuaikan dengan sasaran dakwah yang berbeza tahap pendidikan, umur dan pemikiran. Katanya :

Cara Allah menjawab kepada orang-orang yang melawan ini ada bermacam-macam. Ada Dia suruh berperang dengan mereka yang melawan kamu. Ada yang Dia buat tak peduli terhadap orang yang melawan. Ada juga Dia berikan jawapan dengan cara memberikan fikiran supaya orang itu insaf. Dengan sebab perangai manusia yang melawan nabi ini banyak fesyen, banyak jenis, maka jawapan Allah juga diberikan dalam pelbagai cara. Kita sebagai tok guru, pensyarah, pendakwah jangan beri jawapan yang sama sahaja tanpa mengira jenis orang yang melawan kita. Kalau jawapan serupa nampak sangat kita tak faham psikologi manusia.<sup>312</sup>

**3.7.2.2-Asas-asas ilmu geologi dan kaji bumi.** Perkara tersebut dapat dilihat pada ulasan beliau tentang maksud 6 masa atau 6 hari di dalam ayat 7 Surah Hud :

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

*Ertinya: Dan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa.*

*(Hud : 7)*

Kata Nik Abdul Aziz di dalam mentafsirkan ayat tersebut :

Mengikut kajian ilmu kaji bumi, bumi sebelum boleh menjadi seperti ini, batu sebelum pejal seperti ini, kayu kayan kukuh seperti ini, kulit bumi setebal seperti ini memerlukan masa beratus-ratus ribu tahun. Orang yang mengaji ( belajar ) ilmu geologi menyebut ada jenis-jenis batu yang berumur 2 juta tahun lebih, kerana apa ? Kerana batu itu tak boleh keras seperti ini kecuali melalui proses jemuran panas dan tiupan angin sebelum melalui perubahan alam begini. Sebab itu ahli-ahli peminat permata boleh membezakan di

<sup>312</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat ( 1996 ) , *Tafsir Surah Hud* , Yayasan Islam Kelantan : Maahad Ad-Dakwah Wal-Imamah , cet. Pertama , hal 42.

antara permata muda dan tua. Yang muda ini kerana dia baru jadi. Berapa hari? Tidak berapa hari tetapi beratus tahun, beribu tahun. Barangkali intan berlian itu mahal harganya kerana dia diproses berjuta-juta tahun lamanya. Jadi kalau kita kata 6 hari itu 6 tempoh yang tertentu, satu-satu tempoh itu memakan masa yang lama munasabahlah dengan hasil kajian ahli kaji bumi.<sup>313</sup>

3.7.2.3 – **Kewujudan unsur-unsur tenaga di dalam kejadian Allah.** Huraian tersebut dapat dilihat kepada ulasan yang dibuat oleh Dato' Tuan Haji Muhammad Noor Ibrahim di dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman pada ayat 102 surah al-Baqarah :

وَاتَّبَعُوا مَا تَنْتَلُ الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يَعْلَمُونَ  
النَّاسُ السُّحْرُ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى الْمُكَلَّفِينَ بِبَابِ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا يَعْلَمُانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا  
إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَعْلَمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفْرَقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ  
مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

Ertinya : Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan nabi Sulaiman, padahal nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufturan itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya), kerana mereka lah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat : Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata : Sesungguhnya kami hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu) oleh itu janganlah engku menjadi kafir (dengan) mempelajarinya. Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua : ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.

( al-Baqarah : 102 )

<sup>313</sup> Op.cit ,Nik Abdul Aziz Nik Mat , hal 29-30.

Walaupun ayat tersebut mengulas mengenai asal usul sihir dan kesan-kesan buruk yang mampu ditimbulkan olehnya. Beliau telah menggunakan pendekatan yang lain untuk menghuraikannya, Katanya :

Ayat ini juga menjadi dalil yang menunjukkan bahawa tiap-tiap sesuatu yang dijadikan oleh Allah Ta’ala, ada mempunyai kuasa tenaga yang menimbulkan kesan apabila diketahui rahsia-rahsia tenaga yang terdapat dalam sesuatu benda itu. Ilmu sihir itu memang ada mengandungi hikmat yang Tuhan berikan bagi melahirkan sesuatu perkara yang dapat memberi sesuatu kesan, seperti pembenci atau pengasih. Demikian juga benda-benda yang wujud dalam alam ini, masing-masing telah Tuhan berikan kuasa tenaga yang menimbulkan kesan yang istimewa pada benda-benda itu, seperti kesan tenaga yang ada pada atom, hidrogen dan lain-lain. Tenaga kuasa tersebut akan dapat menimbulkan sesuatu kejadian kalau sekiranya dapat diketahui rahsia-rahsia kejadiannya serta cara-cara peraturannya yang telah ditentukan Tuhan. Misalnya dari kemajuan pengetahuan sains orang dapat mengetahui hidrogen dan oksigen apabila dicampurkan akan melahirkan benda lain iaitu air. Demikian juga bahan-bahan kimia yang lain.....Oleh yang demikian, seseorang ahli sains itu tidak lebih hanyalah sebagai penyelidik rahsia kejadian Tuhan yang telah sedia ada untuk menghasilkan sesuatu menurut dasar peraturan undang-undang alam yang Tuhan tentukan semenjak azali. Apabila rahsia-rahsia itu dapat diketahui maka dapatlah dia menghasilkan sesuatu mengikut apa yang dirancangan.<sup>314</sup>

**3.7.2.4- Hakikat Ya’jūj dan Ma’jūj serta benteng besi yang telah dibina oleh Iskandar Dhū al-Qarnayn.** Huraian mengenai perkara ini telah dibuat oleh Prof Dr. Hamka di dalam *Tafsīr al-Azhar* pada ayat-ayat 96 sehingga 98 dari surah al-Kahf,<sup>315</sup>

<sup>314</sup> Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam , Jabatan Perdana Menteri , cet. kelima , hal 40-41.

<sup>315</sup> Ayat-ayat tersebut mempunyai pengertian yang panjang. Walaubagaimanapun penulis hanya akan membawakan pentafsiran kepada ayat-ayat yang berkaitan sahaja iaitu dari ayat 96 hingga 98.

أَتُوْنِي زَبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَأَوَى بَيْنَ الصَّنْقَفَيْنِ قَالَ انْفَخُوا حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ أَتُوْنِي أَفْرِغُ عَلَيْهِ قِطْرًا (٩٦) فَمَا اسْتَطَاعُوْا أَنْ يَظْهِرُوهُ وَمَا اسْتَطَاعُوْا لَهُ نَقْبًا (٩٧) قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَاءً وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا (٩٨)

Ertinya: Berikanlah aku potongan-potongan besi. Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan kedua (puncak) gunung itu, berkatalah Dhū al-Qarnayn : Tiuplah (api) itu. Hingga apabila besi itu sudah menjadi (merah seperti) api, dia pun berkata : Berilah aku tembaga (yang mendidih) agar kutuangkan ke atas besi panas itu. Maka mereka tidak bisa mendakinya dan mereka tidak bisa (pula) melubanginya. Dhū al-Qarnayn berkata : Ini (dinding) adalah rahmat dari Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanmu , Dia akan menjadikannya hancur luluh dan janji Tuhanmu itu adalah benar.

( al-Kahf : 96-98 )

Di dalam mengulas mengenai ayat ini, beliau telah berkata :

Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahawa Ya'juj dan Ma'juj adalah dua nama berpadu satu, iaitu segala gerak yang telah dan hendak merusak di dunia ini. Sebab itu maka, baik diri atau rumah tangga, kaum keluarga atau bangsa dan negara wajib mendirikan tirai besi yang dituang tembaga, agar dapat membenteng, agar Ya'juj dan Ma'juj jangan masuk. Ya'juj dan Ma'juj mungkin dapat ditafsirkan fikiran-fikiran jahat, maksud yang buruk, idealogi yang sesat. Di sana pokoknya ! Dia dianut oleh sesetengah manusia. Dan manusia yang menganutnya dengan kecerdikan jahat bisa mempergunakan pula sesamanya manusia jadi ulet di dalam merusak bumi. Sebab itu maka benteng dari fikiran yang baik, cita-cita yang mulia, idealogi yang sihat, mesti selalu teguh.<sup>316</sup>

Beliau melanjutkan lagi tafsirnya dengan berkata :

Orang-orang Islam zaman sekarang mengeluarkan pula tafsiran Ya'juj dan Ma'juj yang diambil asal pokok ambilan bahasa kalimat Ya'juj dan Ma'juj. Kata mereka ialah dari pokok kata : *Ajja , ta ajja* yang bererti nyala atau menggelojak. Dipakai buat api. Zaman kita

<sup>316</sup> Prof Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah ( 1985 ) , *Tafsir al-Azhar* , Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD , jil 15 , hal 4255.

sekarang ini - kata mereka - benar-benar zaman Ya'jūj dan Ma'jūj, zaman gerak hidup amat bergantung kepada nyala api fabrik dan mesin-mesin. Amat bergantung kepada getaran-getaran strom listrik.<sup>317</sup> Zaman sekarang amat bergantung kepada produksi dari hasil putaran mesin-mesin yang bergerak kerana gejala, nyala dan gelojak api. Nilai-nilai hidup berubah sama sekali. Zaman industri ! Zaman kecepatan ! Agama kian lama kian kendur, rumah tangga kian hilang nilainya sebagai pusat pendidikan kemanusiaan. Mulanya manusia mendirikan mesin-mesin, sekarang hidup manusia telah diatur dan ditentukan oleh mesin-mesin itu. Bangsa-bangsa berperang, berkelahi merebutkan kekayaan. Jurang di antara yang punya (have) dengan -yang tidak mempunyai apa (have not) bertambah dalam. Dan akhirnya orang mendapat bom-bom nuklear pembunuhan berjuta-juta manusia sekaligus! Nyala api Ma'jūj terang-terang memancarkan sinar yang radio aktif. Dengan kepandaian bom nuklear manusia mendapat rahsia yang penting sekali, tentang bagaimana caranya membunuh diri mereka sendiri dan kiamat akan dipercepat datangnya oleh tangan manusia sendiri. Inilah tafsir paling baru tentang Ya'jūj. Yang merusak di bumi itu, yang mengalir menurun dengan cepat dari tempat yang tinggi ke tempat kerendahan.<sup>318</sup>

Pada suatu pendekatan yang lain pula, ayat ini secara tidak langsung menggambarkan kepentingan teknologi metal di dalam sistem pertahanan manusia. Dhū al-Qarnayn yang memiliki ilmu pengetahuan atau teknologi berkaitan dengan penggunaan dan penciptaan besi keluli dan aloi (campuran besi dan tembaga) dapat menghasilkan sesuatu yang keras dan mampu menghalang kemaraan Ya'jūj dan Ma'jūj ke tempat tersebut. Penulis berpendapat faktor kemajuan teknologi yang dimiliki oleh Dhū al-Qarnayn inilah yang perlu ditekankan untuk menyedarkan umat Islam pada zaman ini tentang kepentingan apa sahaja teknologi yang mampu membantu manusia sejagat.

<sup>317</sup> Tenaga eletrik. Lihat kamus Indonesia di <http://www.kamus.web.id/english.asp> ( 6 April 2004 ).

<sup>318</sup> Op.cit , Hamka ( 1985 ) , hal 4259.

**3.7.2.5-Kewujudan makhluk-makhluk serta alam lain selain alam manusia yang amat halus dan hanya mampu dilihat dengan alatan moden sahaja.** Sonhadji telah mengulas mengenai perkara tersebut di dalam Tafsir 'Abr al-Athīr terhadap surah al-Rā' d ayat 9 :

عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِي (٩)

*Ertinya : Dia mengetahui perkara yang ghaib ( tersembunyi ) dan yang terang, juga bersifat Maha Besar lagi Tinggi.*

Di dalam mengulas mengenai ayat ini, beliau telah berkata :

Allah mengetahui segala sesuatu yang tidak kamu ketahui dan yang tidak kamu lihat daripada bermacam-macam alam yang luasnya tidak berkesudahan. Sesungguhnya kemajuan ilmu pengetahuan sekarang ini telah menetapkan bahawa di sana ada beberapa alam yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar kecuali dengan alat pembesar (mikroskop) untuk melihat, umpamanya sahaja alam yang didiami oleh kuman atau bakteria.<sup>319</sup>

**3.7.2.6- Kewujudan daya graviti di alam semesta.** Huraian mengenai perkara tersebut dapat dilihat pada tafsiran Sonhadji terhadap Surah al-Anbiyā' ayat 32 :

وَجَعَلْنَا السَّمَاءَ سَقَفاً مَحْقُوظًا وَهُمْ عَنِ آيَاتِهَا مُغَرِّضُونَ (٣٢)

*Ertinya : Dan Kami jadikan langit itu sebagai atap yang terpelihara, sedangkan mereka berpaling daripada memikirkan tanda-tandanya.*

*(Surah al-Anbiyā' : 32)*

<sup>319</sup> Ahmad Sonhadji Mohamad ( 1990 ), *Tafsir al-Qur'an 'Abr al-Athīr ( Tafsir al-Qur'an Di Radio )*, Kuala Lumpur : Pustaka al-Mizan , cet. pertama , Jil 13 , hal 106.

Katanya :

Allah telah menjadikan langit dengan bentuk yang sangat teratur, seolah-olah langit itu atap yang terpelihara daripada kerosakan, dan daripada sebarang kekecohan tentang peraturan lalu lintas yang ada di cakerawala itu. Umpamanya sahaja, matahari dan bintang-bintang yang beredar di tempat kedudukannya masing-masing, tidak pernah terjadi perlanggaran di antara sekian ribu bintang beredar yang mengedari antara satu sama lain. Tidak pernah berlaku kekacauan di antara bintang-bintang itu kerana masing-masing mempunyai kekuatan penarikan (graviti). Matahari, bulan dan bintang-bintang itu tarik-monorik antara satu sama lain dengan suatu kuasa yang memelihara peredaran masing-masing, sehingga tidak terkeluar dari garis lalu lintas yang diedarinya. Kalau-lah terjadi sedikit saja kekecohan dalam lalu lintas pada bintang-bintang itu dan tidak terpelihara peraturannya, nescaya binasalah perjalanan alam ini.<sup>320</sup>

### 3.2.7.7- Penjelasan mengenai pokok Zaqqum yang tumbuh di dalam neraka.

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّؤْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ  
إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةُ الْمَلْعُونَةُ فِي الْقُرْآنِ وَنُخَوْفُهُمْ فَمَا يَرِيدُهُمْ  
إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا (٦٠)

Ertinya : Dan ingatlah ketika kami berkata kepadamu : Sesungguhnya Tuhanmu ( kekuasaanNya) telah meliputi sekelian manusia. Kami tidak menjadikan pemandangan yang Kami perlihatkan kepadamu itu, melainkan untuk menjadi fitnah (ujian) bagi manusia, dan pokok kayu yang terkutuk di dalam al-Quran. Dan Kami menakut-nakutkan mereka tetapi tak lain hanyalah menambahkan besar kederhakaan mereka.

(al-Isrā' : 60)

Semasa mengulas ayat tersebut, Sonhadji telah menggunakan pendekatan akal fikiran yang bernas dengan memberikan contoh-contoh yang mampu menunjukkan

<sup>320</sup> Ibid , jil 17 , hal 50.

bahawa kewujudan pokok tersebut yang tumbuh berakar umbi di dalam api neraka adalah tidak mustahil. Katanya;

Mereka (penentang maksud ayat ini) tidak tahu bahawa ada banyak perkara dan benda yang tidak telap dibakar oleh api. Umpamanya, sutra sokhriy (pejal) tidak terjejas dibakar oleh api, bahkan kalau dibakar ia semakin bersih. Bahan-bahan yang seperti inilah yang telah dibuat orang baju menjadi pakaian kepada pasukan pemadam api di negeri-negeri yang sudah maju. Orang yang memakai pakaian itu tidak takut masuk ke dalam api yang sedang menyala-nyala, kerana pakaian itu tidak akan terbakar apabila dijilat api. Di muka bumi ini ada banyak perkara yang ajaib demikian juga di lain-lain alam. Sebenarnya dalam bumi ini penuh berisi api, dan yang tidak terkena api hanyalah di kulit bumi di mana kita tinggal dan dapat hidup. Tiap-tiap sepoohon kayu atau seketul batu tidak sunyi dari berisi api. Sedangkan air itu sendiri merupakan bahan berapi, kerana lapan persembilan daripadanya mengandungi oksigen sedangkan oksigen itu mudah menyala dengan cepat, dan yang sepersembilan pula mengandungi hidrogen. Maka bumi kita ini ada mengandungi unsur api, air mempunyai api, pohon berisi api, batu juga berapi dan ruang alam tempat kita tinggal ini penuh diselang-selangi oleh api.<sup>321</sup>

### 3.7.2.8- Kelebihan penggunaan bahasa di dalam menyampaikan mesej al-Quran.

Sebagaimana yang sedia diketahui bahawa Hamka memang seorang penulis yang terkenal. Kemampuannya menyampaikan sesuatu mesej melalui tinta penulisannya sudah sedia terbukti dan kemahiran ini telah digunakannya semasa menghuraikan kisah pelarian nabi Musa a.s daripada buruan kaum Fir'awn ke Madyan di dalam ayat 22 surah al-Qasas :

وَلَمَّا تَوَجَّهَ نَلْقَاءَ مَدْيَنَ قَالَ عَسَىٰ رَبِّي أَنْ يَهْدِنِي سَوَاءَ السَّبِيلُ (٢٢)

<sup>321</sup> Ibid , jil 15 , hal 110.

*Ertinya : Dan tatkala dia menghadap ke arah negeri Madyan, dia berdoa : " Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan yang benar.*

*(Surah al-Qaṣāṣ : 22)*

Pentafsirannya yang disulami dengan garapan kisah telah menyerlahkan situasi sebenar yang dialami oleh nabi Musa a.s serta menampakkan hikmah yang terdapat di sebalik peristiwa yang menimpa baginda, katanya;

Dalam perjalanan seorang diri, jadi orang buruan yang kalau dapat ditangkap tidak ada ampunnya lagi. Menuju Madyan, negeri yang terletak di sebelah Selatan dari negeri Syam dan sebelah Utara dari negeri Hejaz. Melalui padang-padang pasir yang luas.....Niscaya di waktu itulah dia mulai merasakan lebih mendalam perbedaan hidupnya beberapa hari saja sebelum ini, dengan sekarang. Cuba kalau tidak ada satu perasaan kesedaran melihat kaumnya yang tertindas, bani Israil yang malang, niscaya dia akan enak-enak saja tinggal dalam istana menjadi anak angkat Sang Raja. Maka di saat-saat itulah Musa dapat membandingkan antara hidup menjadi anak emas istana, diikat oleh berbagai macam tradisi, etiket dan protokol yang tidak boleh dilanggar. Hidup dengan serba-serbi kemewahan, namun di kiri-kanan penuh dengan rasa tak senang, yang dinamai "bisik-desus" istana, fitnah-memfitnahkan di antara orang besar sesama orang besar. Mana yang kuat mengambil muka, dialah yang lekas naik. Mana yang tidak pandai menyesuaikan diri, lekaslah terpencil. Sudah lama nampaknya rasa "tidak puas" bersarang dalam hati Musa. Apatah lagi karena di luar istana dia pun tidak terpisah dari kaumnya. Sebab itu maka meskipun pada lahirnya dia kelihatan senang mesra, pada batin adalah dia seorang yang tidak bebas lagi, tidak merasa senang lagi. Sudah mulai dia merasakan bahawa istana itu bagi dirinya adalah penjara, atau kurungan.

Sekarang dia telah keluar dari sana, berjalan seorang diri di tanah padang belantara, padang pasir yang Allahu Rabbi terik panasnya, di kiri-kanan adalah gunung-gunung batu granit yang menimbulkan angin panas yang bernama samun. Tetapi hatinya mantap buat meneruskan perjalanan. Betapa tidak ? Bukankah pulang artinya maut, dan meneruskan perjalanan belum tentu hilang, asal saja membulatkan hati bertawakkal kepada Tuhan, itu sebab dia berdoa dengan penuh harapan: " Mudah-mudahan Tuhanku senantiasa memimpinku kepada jalan yang benar." <sup>322</sup>

<sup>322</sup> Op.cit , Hamka ( 1985 ), jil 20 , hal 5318.

**3.7.2.9- Penjelasan mengenai mukjizat nabi Sulaymān a.s yang mampu menunggang angin dengan perbandingan semasa.** Ayat tersebut ialah :

وَلِسُلَيْمَانَ الرِّيحَ غُدُوًّا شَهْرَ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ وَأَسْلَنَا لَهُ عَيْنَ الْقِطْرِ

*Ertinya : Dan bagi Sulaymān adalah angin, yang perjalanan paginya sebulan dan perjalanan petangnya sebulan dan Kami alirkannya cairan tembaga baginya.*

*(Surah Sabā' : 12)*

Hamka telah menggunakan perbandingan semasa untuk menyampaikan maksud ayat ini, yang sekali pandang kelihatan seperti terlalu mistik dan mustahil untuk difahami oleh akal fikiran yang waras. Katanya;

Tetapi kalau kita berfikir dalam iman yang mendalam kepada Tuhan, tidaklah kita akan merasa mustahil jika Allah menyediakan semacam angin untuk kenderaan nabi Sulaiman, guna mempercepatkan hubungannya dari satu negeri ke negeri yang lain. Saya teringat ketika pada tahun 1968 saya naik mobil taxi dari Kuwait menuju Riyadh, melalui jalan raya aspal menurut konstruksi autobahn (lebuhraya) yang paling moden, sehingga dalam satu jam sekurang-kurangnya dilalui 100 km, bahkan lebih. Kepada seorang tua Badwi Nejd yang sama menumpang saya tanyakan berapa lama dahulu jarak antara Kuwait dengan Riyadh? Beliau menjawab sebulan perjalanan dengan unta. Padahal kami lalui hanya dalam masa 14 jam saja. Pukul 8 pagi keluar dari Kuwait, pukul 10 malam sampai di Riyadh. Apatah lagi dengan kapal udara! Tidaklah mustahil jika Tuhan memberikan kemudahan bagi Sulaiman menyediakan angin buat mengangkatnya dari daerah jauh ke daerah jauh.<sup>323</sup>

<sup>323</sup> Ibid , jil 22 , hal 5828.

**3.7.2.9- Penjelasan mengenai mukjizat nabi Sulaymān a.s yang mampu menunggang angin dengan perbandingan semasa.** Ayat tersebut ialah :

وَلِسُلَيْمَانَ الرِّيحَ عُدُوُّهَا شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ وَأَسْلَنَا لَهُ عَيْنَ الْقَطْرِ

*Ertinya : Dan bagi Sulaymān adalah angin, yang perjalanan paginya sebulan dan perjalanan petangnya sebulan dan Kami alirkannya cairan tembaga baginya.*

*(Surah Sabā' : 12)*

Hamka telah menggunakan perbandingan semasa untuk menyampaikan maksud ayat ini, yang sekali pandang kelihatannya seperti terlalu mistik dan mustahil untuk difahami oleh akal fikiran yang waras. Katanya;

Tetapi kalau kita berfikir dalam iman yang mendalam kepada Tuhan, tidaklah kita akan merasa mustahil jika Allah menyediakan semacam angin untuk kenderaan nabi Sulaiman, guna mempercepatkan hubungannya dari satu negeri ke negeri yang lain. Saya teringat ketika pada tahun 1968 saya naik mobil taxi dari Kuwait menuju Riyadh, melalui jalan raya aspal menurut konstruksi autobahn (lebuhraya) yang paling moden, sehingga dalam satu jam sekurang-kurangnya dilalui 100 km, bahkan lebih. Kepada seorang tua Badwi Nejd yang sama menumpang saya tanyakan berapa lama dahulu jarak antara Kuwait dengan Riyadh? Beliau menjawab sebulan perjalanan dengan unta. Padahal kami lalui hanya dalam masa 14 jam saja. Pukul 8 pagi keluar dari Kuwait, pukul 10 malam sampai di Riyadh. Apakah lagi dengan kapal udara! Tidaklah mustahil jika Tuhan memberikan kemudahan bagi Sulaiman menyediakan angin buat mengangkatnya dari daerah jauh ke daerah jauh.<sup>323</sup>

---

<sup>323</sup> Ibid , jil 22 , hal 5828.

3.7.2.10- **Kepelbagaiannya jenis makhluk yang wujud di muka bumi.** Perkara ini dirujuk pada ayat 28 surah Fātir ;

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِ وَالْأَنْعَامُ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ

*Ertinya : Dan dari antara manusia dan binatang-binatang melata  
dan binatang ternak beraneka warnanya pula.*

( Surah Fātir : 28)

Hamka telah mengulas secara panjang lebar maksud ayat di atas yang secara terangnya menunjukkan maksud sebenar ayat tersebut dan memperlihatkan kebesaran serta keluasan alam ciptaan Allah. Katanya;

Di ayat ini disebut 3 kelompok besar makhluk bernyawa pengisi bumi. Pertama ialah manusia dengan berbagai warna dan bangsa dan bahasa. Menduduki benua Asia, Eropa, Amerika Utara dan Selatan, Afrika dan Australia. Di samping itu terdapat negara kepulauan, seperti Inggeris di Eropa, Indonesia, Philipina dan Jepang di Asia.....Kita akan melihat berbagai ragam bangsa, berbagai ragam suku, berbagai apa yang dinamai ras. Kita pun akan melihat berbagai warna kulit; ada yang dinamai orang kulit putih, untuk nama bagi bangsa-bangsa yang berdiam di benua Eropa. Ada yang berkulit hitam, untuk orang yang berdiam di benua Afrika. Ada yang berkulit merah, iaitu Indian yang tinggal di benua Amerika, sebagai penduduk asli di benua itu. Ada yang disebut kulit kuning, iaitu bangsa Cina, burma, Vietnam; ada yang sawo matang, iaitu warna umumnya bangsa yang disebut ras Melayu, termasuk bangsa Indonesia ini. Ada warna kehitaman, sebagai kebanyak penduduk Asia, iaitu bangsa India, jazirat Arab dan lain-lain.

Ini pun mengandung ilmu dengan berbagai cabangnya pula sebagai geografi, ethnologi, ilmu-ilmu social (sosiologi), politik dan kebudayaan, dan antropologi dan lain-lain.<sup>324</sup>

<sup>324</sup> Ibid, jil 22, hal 5929-5930.

Kesemua contoh pentafsiran yang di senaraikan itu adalah di antara sebahagian tafsiran yang telah dibuat oleh para pentafsir Melayu. Secara signifikannya segala usaha mereka itu memang membuktikan bahawa proses pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'an di kalangan orang Melayu sudah sedia wujud. Malahan ada juga di antara mereka yang cenderung untuk mengaitkan tafsiran mereka dengan perkembangan semasa terutama sekali di dalam isu-isu yang berkaitan dengan politik dan sebagainya.<sup>325</sup> Begitu juga dengan usaha-usaha sesetengah mereka yang menulis tafsir terjemahan al-Qur'an<sup>326</sup> dan menterjemahkan sesetengah kitab tafsir berbahasa Arab yang terpilih.<sup>327</sup> Langkah-langkah tersebut sedikit sebanyak telah membantu untuk mendekatkan hati para pembaca untuk lebih memahami al-Qur'an dan Islam.

Penulis berpendapat usaha pemodenan dan pembaharuan yang telah dilakukan oleh para pentafsir Melayu ini perlu disemarakkan lagi dengan mewujudkan suatu

---

<sup>325</sup> Perkara ini biasanya dapat diperhatikan pada sesetengah ulasan yang dibuat oleh tokoh-tokoh tafsir yang terlibat dengan gerakan Islam. Contohnya bentuk pentafsiran HAMKA pada ayat-ayat tertentu , Lihat Op.cit , Kamaliah bt Hussin ( 1998 ) , hal 49-50. Perkara yang sama juga disentuh oleh tokoh-tokoh tafsir yang melibatkan diri dalam politik tanah air seperti Nik Abdul Aziz dan Hj Abdul Hadi dalam siri-siri kuliah mereka.

<sup>326</sup> Di antara contoh kitab daripada kategori ini ialah kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman yang disusun oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan disemak oleh Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim. Kitab ini telah menjadi pilihan utama orang Islam di negara ini kerana bentuk terjemahannya yang menarik dan bertepatan dengan selera orang melayu. Tambahan pula kitab ini telah mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<sup>327</sup> Di antara contohnya ialah usaha penterjemahan yang telah dijalankan oleh Dato' Yusuf Zakiyy terhadap kitab Tafsir Fi Zi'lal al-Qur'an. Usaha beliau ini telah memungkinkan pemahaman yang meluas di kalangan orang Melayu yang tidak mampu untuk memahami bahasa Arab. Langkah ini boleh disifatkan sebagai usaha pembaharuan di dalam pengajian tafsir , kerana sebelum adanya kitab-kitab terjemahan tersebut , rata-ratanya tempat bergantung masyarakat umat Islam di dalam memahami pengajaran al-Qur'an ialah kepada ulasan guru-guru agama dan para penceramah sahaja. Dengan wujudnya terjemahan kitab tafsir zaman ini seperti Tafsir Fi Zi'lal, umat Islam akan didekahkan secara terus kepada idea atau tafsiran tokoh terbabit dalam erti kata maklumat *first hand*. Begitu juga dengan usaha penterjemahan kitab Tafsir al-Munir yang telah dilakukan oleh Persatuan Ulama' Malaysia.

platform khusus bagi mengumpulkan semua tafsiran yang telah dilakukan itu. Selain itu, proses pentafsiran al-Quran juga perlu perluaskan lagi dengan penggunaan semua disiplin ilmu yang mempunyai kaitan dengannya. Oleh itu, perlu ada usaha untuk menyatukan kepakaran yang dimiliki oleh para pakar Islam daripada berbagai-bagai bidang untuk mentafsirkan al-Qur'an dengan lebih berkesan.<sup>328</sup> Di antara salah satu platform yang berkesan untuk menjayakan tujuan tersebut ialah dengan penubuhan pengkalan data Tafsir al-Quran. Perbincangan mengenai fungs , prinsip dan orientasi pengkalan data tersebut akan dijelaskan pada bab keempat.

### 3.8- KESIMPULAN

Pengajian Tafsir al-Qur'an telah memainkan peranan yang penting di dalam membentuk struktur sosial masyarakat Melayu. Pengaruh-pengaruh daripada pengajian tersebut telah meresap masuk dan digunakan secara meluas di dalam kehidupan mereka sejak zaman berzaman. Bahkan, sejarah perkembangan pengajian Tafsir al-Qur'an di rantau ini sebenarnya telah bermula seawal zaman kesultanan Melayu Aceh dan berkesinambungan sehingga ke hari ini. Ramai tokoh pentafsir Melayu telah muncul di sepanjang zaman dengan karya-karya mereka. Perkembangan ini juga disemarakkan lagi oleh kebanjiran karya-karya tafsir dari dunia Arab yang banyak mendedahkan ajaran Islam melalui pengajian Tafsir al-Qur'an. Mereka juga mulai menyedari kepentingan ilmu ini sebagai alat atau pembimbing mereka di dalam memahami al-Qur'an.

---

<sup>328</sup> Op.cit , Dr. M. Quraish Shihab , hal 204.

Secara umumnya aspek-aspek pemodenan dan pembaharuan yang wujud di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān di kalangan orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua iaitu (1); penggunaan teknologi terkini untuk memantapkan pengajian Tafsir al-Qur'ān dan (2); aliran pentafsiran baru dan bersifat moden yang bersesuaian dengan perkembangan zaman ini. Kegiatan-kegiatan pemodenan dan pembaharuan yang telah dijalankan oleh para pentafsir Melayu di dalam karya-karya mereka agak memberangsangkan dan bertepatan dengan kehendak masyarakat yang datang daripada berbagai-bagi tahap pemikiran. Walau bagaimanapun semua usaha mereka ini hanya terbatas di dalam karya-karya mereka sahaja dan tidak disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat dalam erti kata yang sebenar. Oleh itu, penulis mendapati segala usaha mereka yang berpisah-pisah dan berasingan itu perlu disatukan di bawah satu payung yang akan menambah peluang pembelajaran masyarakat kepada pengajian Tafsir al-Qur'ān. Skop penyatuan sebarang pentafsiran baru tidak hanya perlu dibataskan kepada karya pentafsir Melayu sahaja bahkan perlu merangkumi kesemua tafsir silam dan moden yang boleh dimanfaati oleh semua manusia di dunia ini tanpa mengira sempadan politik, agama, negara dan sebagainya. Untuk menjayakan usaha tersebut penulis mencadangkan agar sebuah pengkalan data Tafsir al-Qur'ān ditubuhkan untuk menjadi sebuah pusat pengumpulan maklumat berkaitan Tafsir al-Qur'ān lama dan baru. Pengkalan data ini juga akan berfungsi sebagai medium baru untuk memperkenalkan Islam berdasarkan pengajian Tafsir al-Qur'ān kepada umat manusia di seluruh dunia.